Daripada dunia kecil orang Yahudi yang tertindas, Yesus kini dibawa masuk ke dalam alam empayar dunia Rom. Pilatus, gabenor Rom, memegang kuasa dan bertanya kepada-Nya terus terang, ketika kedua-duanya mungkin bersendirian: Adakah engkau raja orang Yahudi?

Yesus mengesahkan bahawa Dia seorang Raja. Tetapi Raja atas satu kerajaan yang bukan dari dunia ini. Satu kerajaan yang mengatasi setiap tuntutan politik, satu kerajaan yang tidak menakluki dunia dengan kekuatan senjata seperti orang Rom. Satu kerajaan dari dunia syurgawi. Dengan hukum-hukum yang lain. Satu kerajaan yang, dalam diri Rajanya yang syurgawi, membiarkan dirinya


dihancurkan oleh kekerasan kejam sebuah kerajaan duniawi. Sekurang-kurangnya begitulah kelihatannya.

Bagi Pilatus jelas bahawa inilah raja orang Yahudi. Menakjubkan betapa tajam naluri yang ditunjukkan oleh Pilatus. Dia, orang Rom dan penyembah berhala, seolah-olah menjadikan Dia raja orang Yahudi. Dia berkata terus terang kepada orang ramai, "Lihatlah, inilah rajamu!" Malah dia menyuruh papan tanda raja dipakukan di bahagian atas salib. Semua orang patut mengetahui hal itu dengan tepat. Para pemimpin Israel dan para penuduh Yesus diprovokasi oleh Pilatus hingga ke batasnya. Kerana mereka menghendaki kematian-Nya, ya, kematian-Nya di kayu salib.

Tanpa sedar Pilatus membela kebenaran tentang Yesus: Yesus sama sekali tidak bersalah dan Dia ialah Raja mereka. Orang Yahudi memilih Kaisar Rom. Yesus, Raja mereka yang sejati, mereka tolak.

Yang kita lihat seterusnya ialah Yesus dengan mahkota duri dan jubah ungu kemerah-merahan yang disarungkan pada-Nya. Gambaran berdarah yang memperolok-olok Raja yang datang untuk memberikan kesaksian tentang kebenaran. Baginda yang bermahkota duri.

Ke Golgota Dia memikul salib-Nya sendiri. Di sana pakaian-Nya direntap dari tubuh-Nya. Dia dipakukan pada salib. Salib itu ditegakkan. Dia ditinggikan, seperti yang telah diberitahukan-Nya sendiri. Raja itu dilantik di atas takhta-Nya: sebatang tiang penyeksaan, sebuah salib kayu.



Seorang lelaki yang telanjang, berdarah, rosak rupa-Nya dan penuh kesakitan. Seruan-Nya sebelum Dia menghembuskan nafas terakhir bersifat diraja, membebaskan dan menebus, bagi-Nya, bagi semua orang, bagi kita: *Sudah selesai!*

Diserahkan untuk kita. Dia yang disalibkan inilah yang menarik kita kepada diri-Nya. Bukan Pilatus, bukan maharaja, tetapi Yesus, Raja Mesias! Manusia ini di tempat hukuman mati ini menjadi tempat perlindungan kita, tempat pendamaian kita. Di sini darah-Nya menutupi dosa-dosa kita dan mewujudkan damai dengan Allah, iaitu pendamaian melalui darah salib-Nya. Damai dengan Allah dan juga sesama manusia kini menjadi mungkin. Tangan Allah yang berdarah dan berlubang terhulur!

Inilah Raja dunia yang sejati, Raja syurga, Penguasa seluruh dunia dan Tuhan segala tuan! Dia yang sanggup melepaskan kuasa-Nya, menukar takhta dengan salib demi kita, layak menerima penyembahan kita. Dia yang kemudian masih memohon pengampunan bagi pembunuh-pembunuh-Nya di hadapan Allah, di hadapan Bapa-Nya, membuat kita manusia terdiam. Layakkah kita mendapat Allah seperti itu?

Sebuah salib mempamerkan kuasa orang Rom dan kebinasaan, pemusnahan, malah penghapusan orang yang disalibkan dan setiap kenangan tentang mereka. Yang kuat mengalahkan yang lemah. Dalam kelemahan Yesus disalibkan. Bagi Allah, Penguasa alam semesta, itulah kemenangan. Walaupun kelihatan bertentangan: kemenangan kasih.

Salib dahulu dan sekarang tetap satu skandal. Sebagai lambang iman Kristian, salib tetap begitu. Gila dan bodoh untuk menjadikan sebuah salib dan Dia yang disalibkan pengasas sebuah agama. Tiada apa-apa padanya yang boleh dicantikkan atau dijadikan romantik. Salib itu begitu aneh, begitu bertentangan, begitu terbalik. Tetapi bagi semua orang yang percaya bahawa di tiang kehinaan ini kebijaksanaan dan kasih Allah mencapai puncaknya, salib dan apa yang berlaku di sana ialah kuasa Allah untuk keselamatan. Untuk penyelamatan! Allah yang menderita, Allah yang disalibkan ialah kebodohan, tetapi pada masa yang sama berita yang setiap hari menyentuh manusia, mengubah mereka dan menjadikan mereka manusia baru.

Kisah Yusuf ialah gambaran awal tentang Mesias – saudara-saudaranya mencampakkan dia ke dalam lubang, menjualnya ke Mesir, dan di sana melalui jalan berliku yang penuh penderitaan dia menjadi wakil pemerintah, sama seperti Kristus.

*Apabila Yusuf sampai kepada mereka, mereka menanggalkan jubahnya, jubah indah yang dipakainya. Lalu mereka menangkapnya dan mencampakkannya ke dalam perigi. Perigi itu kering; tiada air di dalamnya.*

Kejadian 37:23-24

Yohanes 18 dan 19; Matius 26:36–27:56; Markus 14 dan 15; Lukas 22 dan 23; Roma 3:21-26; 2 Korintus 13:4; 1 Korintus 1:22-24; Kolose 1:20; Efesus 2:16; Filipi 2:8.

## 13 Raja yang sungguh agung

*(Lagu dalam versi asal bahasa Jerman)*

*Was für ein König, der sein Land verlässt für mich. Und alles hingibt, was ihm lieb und wichtig ist. Der sich aufmacht und weit in die Fremde zieht, um zu suchen die, die er von Herzen liebt. Der nicht ruht bis auch der letzte seiner Freunde bei ihm ist, der voll Sehnsucht und voll Freude mich in die Arme schließt.*

*Wer so ist, der ist wahrhaft königlich. Diesen König liebe ich.*

*Was für ein König, der ein großes Festmahl hält für all die Schwachen und die Armen dieser Welt. Der uns seine Brüder, seine Schwestern nennt, weil er wie wir das Leben hier auf Erden kennt. Was für ein König, der aus Liebe seine Krone niederlegt und sie eintauscht gegen eine, die aus Dornen ist.*

*Was für ein König, der sein Leben für mich gibt, wo ich doch nicht von edler Herkunft bin. Was für ein König, der dem Tod ins Auge sieht und ihn als Erster ein für alle Mal besiegt. Was für ein König, der den Weg geht, der noch nicht gegangen ist, weil dieser Weg für uns der Weg in die Freiheit ist.*

Lothar Kosse, 2011, digunakan dengan izin.

## 14 Raja di dalam kubur

Seorang raja dikebumikan dengan cara yang istimewa. Dengan perarakan yang besar dan makam yang layak. Penjenayah yang disalibkan dibiarkan tergantung pada salib berhari-hari, sebagai amaran. Kemudian mereka berakhir di dalam kubur besar, tidak jauh dari salib. Mayat mereka diperlakukan seperti bangkai binatang. Di kayu salib orang-orang ini dihancurkan. Dan setiap kenangan tentang mereka dihapuskan.

Tetapi di sini tergantung Sumber kehidupan. Dibunuh bersama-sama dua orang penjenayah. Apakah yang akan berlaku kepada-Nya sekarang? Dalam drama penyaliban ini ada satu sinar harapan yang kecil. Yusuf dari Arimatea, seorang ahli Majlis Agama Yahudi, ialah pengikut Yesus secara rahsia. Sekarang saatnya telah tiba. Sekarang dia membuktikan bahawa dia pengikut Yesus. Sebagai orang kaya, dia telah membuat persediaan dan memperoleh sebuah kubur untuk dirinya. Sebuah kubur yang dipahat di dalam batu dengan sebuah batu besar seberat bertan-tan di hadapannya. Batu itu digolekkan dalam satu alur di tanah ke depan pintu kubur.

Yusuf memberanikan diri, pergi menghadap Pilatus dan meminta mayat Yesus. Pilatus bersetuju, terkejut kerana Yesus mati begitu cepat. Yusuf menurunkan mayat itu dari salib. Sama ada seorang diri atau dengan pembantu, tidak diketahui. Dia membalut Yesus dengan kain linen. Hal itu harus dilakukan dengan cepat, kerana hari Sabat bermula pada waktu senja. Dia membaringkan Yesus di dalam kuburnya sendiri dan menyangka bahawa dia akan memerlukan kubur yang baru untuk dirinya.

Banyak ramalan (nubuat) telah digenapi dalam kehidupan dan kematian Yesus. Satu keistimewaan yang tidak berlaku pada manusia lain. Malah tentang pengebumian-Nya sudah ditulis ratusan tahun sebelumnya: Kuburnya ditentukan di antara orang jahat, tetapi dalam kematian-Nya Dia berada bersama seorang kaya.

Sering kali, apabila para rasul menceritakan Injil, mereka selalu menyebut bahawa Yesus bukan sahaja mati, tetapi juga dikuburkan. Tiada sesiapa patut menganggapnya perkara sampingan. Kerana orang yang dikuburkan sudah mati. Bukan pengsan. Bukan mati suri. Semua fungsi tubuh telah berhenti dan tidak

dapat dipulihkan. Bab tentang Yesus buat sementara waktu telah ditutup dengan kubur itu.

Jika dengan kematian-Nya di kayu salib segala-galanya kelihatan sudah berakhir, lebih-lebih lagi dengan pengebumian-Nya. Kemudian kubur itu dimeterai oleh orang Rom dan dikawal oleh satu pasukan khas. Ahli-ahli Taurat Yahudi harus memastikan bahawa pengikut-pengikut Yesus tidak datang untuk mencuri mayat-Nya. Tetapi daripada mereka hampir tiada bahaya, kerana mereka telah melarikan diri. Berbeza dengan para pengikut itu, ahli-ahli Taurat teringat bahawa Yesus beberapa kali telah berbicara tentang kematian-Nya yang ganas, tetapi juga tentang kebangkitan-Nya. Ada sesuatu yang terasa di udara. Adakah sesuatu masih akan berlaku?

*Dalam pengakuan iman Kristian purba tertulis: "dikuburkan, dan turun ke alam orang mati".* Sumber kehidupan menerobos masuk ke dalam benteng maut yang tidak dapat dikalahkan, dengan cara Dia sendiri mati dan menjadi mati. Tentang diri-Nya Yesus kemudian berkata: Aku telah mati.

Apa yang kemudian berlaku di seberang kematian, ketika Dia turun ke alam orang mati, tidak kurang pentingnya daripada apa yang berlaku di kayu salib. Tetapi yang pasti, hal itu juga berlaku untuk kita. Untuk manusia yang fana, supaya kita hidup, bersama-sama dengan-Nya.

*Dia dianiaya, tetapi Dia menanggungnya tanpa mengeluh. Seperti anak domba yang dibawa untuk disembelih, seperti domba yang sedang dicukur bulunya, Dia menanggung semuanya dengan diam, tanpa mengeluh.*

*Di tengah-tengah masa penahanan dan perbicaraan-Nya, maut menimpa-Nya. Kerana umat-Nya telah menanggung kesalahan yang begitu besar, nyawa-Nya dihapuskan. Siapakah di antara orang-orang generasi ini yang memikirkan hal itu?*

*Kuburnya ditentukan di antara orang jahat, tetapi dalam kematian-Nya Dia berada bersama seorang kaya, kerana Dia tidak melakukan kezaliman dan tidak ada tipu daya dalam mulut-Nya.*

Yesaya 53:7-9

Kisah Rasul-rasul 2:22-46; 3:15; Ibrani 2:10; Matius 27:57; Markus 15:43; Yohanes 19:38; Yesaya 53:9; 1 Korintus 15:4; 1 Petrus 3:18-22

## 15 Raja di alam orang mati

Raja-raja pun harus mati. Raja yang kita bicarakan di sini mengalami kematian yang amat menyeksakan. Dia dihukum mati dengan ganas di kayu salib. Kemudian Dia dibaringkan di dalam kubur batu yang ditutup dengan sebuah batu besar.

Manusia lebih daripada tubuhnya. Selepas kematian dia terus hidup. Kesedarannya, roh-jiwanya, tidak dapat dibunuh. Roh-jiwa itu sepadan dengan seluruh diri manusia; dia tetap ada dan merupakan peribadi yang lengkap di alam akhirat. Tanpa tubuh yang bersifat jasmani dan fana. Di luar iman Kristian pun terdapat petunjuk yang tidak terkira banyaknya, apatah lagi bukti, bahawa seorang manusia dapat wujud di luar tubuhnya dan dengan semua deria dapat merasakan persekitaran dunia yang tidak kelihatan dan dunia akhirat.

Alam akhirat ini ialah alam orang mati. Dalam Alkitab Ibrani tempat ini disebut *Syeol*. Dalam Perjanjian Baru alam bawah tempat orang mati berada disebut *Hades*. Di sana ada bahagian untuk orang benar dan bahagian untuk orang yang tidak benar. Bahagian yang pertama disebut "*pangkuan Abraham*". Kemudian ada pula *bahagian yang paling bawah*, tempat malaikat-malaikat yang memberontak dan jatuh ditahan, iaitu malaikat-malaikat yang telah bercampur dengan manusia sebelum dan pada zaman Nuh. Mereka memainkan peranan utama sehingga manusia jatuh ke dalam dosa begitu rupa, sehingga Allah membuat noktah akhir melalui air bah. Begitulah yang diceritakan oleh kitab Kejadian. Gereja purba mengisytiharkan dalam pengakuan imannya, yang sehingga hari ini setiap hari Ahad diucapkan bersama-sama dengan suara yang kuat oleh orang Kristian berkali-kali yang tidak terhitung: *Turun ke alam orang mati*. Tepat ke sanalah, ke alam bawah yang tersembunyi daripada kita dan hanya dapat dimasuki melalui kematian, ke sana Dia turun dan masuk, Sang Kristus, Sang Raja.

Mungkin hal ini kelihatan aneh dan kuno bagi pembaca. Tetapi pandangan dunia Alkitab agak sederhana: Ada dunia yang diciptakan yang kelihatan dan dunia yang diciptakan yang tidak kelihatan. Dunia yang tidak kelihatan merangkumi syurga, tempat Allah bersemayam dan memerintah. Hal itu dijelaskan dengan kata-kata dan istilah yang kita kenal dari dunia yang kelihatan,

supaya kita dapat membayangkan, walau bagaimanapun caranya, dunia yang lebih kurang tersembunyi daripada kita ini. Syurga Allah berada di *atas*. Alam bawah, alam orang mati, selalu berada di *bawah*, *di bawah bumi*. Di bawah bumi tidak hanya bermaksud kubur, tetapi alam bawah di seberang sana yang tidak kelihatan, tempat orang mati berada.

Walaupun pangkuan Abraham ialah tempat perhentian, namun Alkitab Ibrani tidak menggambarkan Syeol sebagai tempat yang ingin dituju orang kerana di sana begitu indah. *Syeol melambangkan kematian dan juga kuasa maut, yang tidak pernah dikehendaki oleh Allah.*

Perjanjian Baru menyebut alam bawah itu Hades. Begitulah tempat ini juga disebut dalam mitologi Yunani. Kemudian Hades menjadi nama penguasa alam bawah. Tempat ini harus dibezakan daripada neraka. Hades dan neraka bukan perkara yang sama.

Marilah kita kembali kepada hari penyaliban dan pengebumian Yesus itu. Dilihat dari luar, keadaan menjadi tenang, mayat Yesus yang telah diseksa terbaring di dalam kubur. Hari Sabat bermula. *Tetapi Raja itu tidak berehat*. Perkara-perkara yang dahsyat berlaku di alam bawah. *Raja itu turun*. Hanya sebagai Dia yang telah mati, Dia dapat turun ke alam orang mati ini. Dan bertemu dengan penguasa maut. Dia turun ke dalam lubang ular tua itu dan meremukkan kepalanya. Dia mengalahkan orang yang kuat itu untuk merampas harta bendanya. Untuk membebaskan orang tawanan.

*Bukan untuk terus menderita Dia turun ke Syeol, tetapi untuk menang, untuk membebaskan dan untuk mengisytiharkan.*

Ke dalam penjara yang paling bawah, kepada para penghulu malaikat yang telah jatuh, Dia turun. Kepada mereka Dia tidak memberitakan berita keselamatan, tetapi berita kemenangan. Mereka harus tahu bahawa rancangan mereka dan rancangan penguasa kegelapan mereka tidak berhasil. *Kematian-Nya bermakna kematian mereka. Kematian-Nya, yang dirancang oleh semua kuasa kegelapan, bukanlah kemenangan mereka. Itulah kekalahan mereka.* Tanpa disangka-sangka oleh mereka, kini mereka bertemu dengan Sang Pemenang di tempat yang tidak pernah mereka sangka, dan mendengar dari mulut-Nya bahawa penyelamatan telah datang bagi manusia. Bukan kebinasaan manusia fana bersama-sama dengan kuasa-kuasa kegelapan, tetapi kemenangan, keselamatan dan hidup kekal kini telah tercapai dan tersedia bagi orang berdosa. Bagi orang berdosa yang tidak layak menerimanya, tetapi yang dikasihani oleh Raja itu.

Di Syeol atau Hades juga terdapat semua orang yang takut akan Allah, yang telah meninggal dunia sehingga hari penyaliban itu. Mereka berada di alam orang mati, tetapi tidak di Firdaus syurgawi. *Sekarang Raja yang dijanjikan itu datang kepada mereka, kepada Abraham, Daud, Ayub dan semua yang lain. Raja kemuliaan masuk dan disambut serta dialu-alukan oleh rombongan yang tidak terkira banyaknya. Mereka ialah tawanan yang berpengharapan!* Harapan mereka bukan untuk tinggal di sana. Raja itu pun tidak datang untuk tinggal. Dia datang untuk membawa mereka keluar dan masuk ke dalam Firdaus syurgawi.

Maka berlakulah satu eksodus besar dari Hades ke Firdaus pada hari itu juga, hari Kristus mati. Kerana kepada salah seorang penyamun di kayu salib Dia berkata dengan penuh keyakinan: *Hari ini juga engkau akan bersama-sama dengan-Ku di Firdaus.* Penyamun ini mengikut Raja yang agung, yang berjuang untuk umat-Nya dan memimpin semua ke dalam tempat kudus syurgawi, masuk ke hadirat Allah yang mulia.

Yang tertinggal ialah runtuhan Syeol dan mereka yang di dalamnya yang tidak percaya. Mungkin, dan tidak mustahil, Dia juga membebaskan dari alam bawah orang-orang yang kepadanya Dia memberitakan keselamatan di sana. Sesiapa yang bertemu dengan-Nya, sesiapa yang berseru kepada-Nya, di mana pun, akan diselamatkan. Dia kaya bagi semua orang, Raja kemuliaan yang penuh belas kasihan ini.

Raja itu menyatukan diri-Nya dengan hidup kita dan menjadi manusia. Dia menjalani hidup yang sepatutnya kita jalani. Dia mengambil alih kematian kita dan mengangkat dosa-dosa kita daripada kita dan membawanya sendiri ke dalam kubur. Allah memperhitungkan kematian-Nya kepada kita, sehingga kita boleh hidup. Hidup yang baru, kekal dan abadi. Dia turun dan menghancurkan kubu maut, supaya kita dapat hidup. Dia kembali kepada kehidupan. Kematian-Nya ialah kematian kita dan hidup-Nya kini ialah hidup kita.

*Setiap langkah, seluruh hidup Raja itu, perlu untuk keselamatan.* Jika tidak, Dia hanya perlu muncul untuk salib. Raja itu telah bertempur untuk umat-Nya di antara salib dan kebangkitan, walaupun kubur batu itu tidak menunjukkan apa-apa tentangnya. Pertempuran di dunia yang kelihatan telah diperjuangkan, sampai mati. Sekarang tibalah pertempuran di dunia yang tidak kelihatan. Dia telah merampas Syeol dan membawa orang tawanan naik ke Bukit Sion, gunung Allah.

*Maka, setelah dihidupkan kepada kehidupan yang baru, Dia pergi kepada roh-roh di dunia yang tidak kelihatan, yang pada zaman Nuh telah memberontak terhadap Allah dan yang kini ditahan sehingga hukuman mereka yang terakhir, lalu Dia mengisytiharkan kemenangan-Nya kepada mereka.*

1 Petrus 3:19-20

*Kerana itu dikatakan: "Setelah naik ke tempat tinggi, Dia membawa tawanan sebagai tawanan dan memberikan kurnia kepada manusia." Tetapi perkataan, Dia telah naik, apakah maksudnya selain bahawa Dia juga telah turun ke bahagian-bahagian bumi yang paling bawah? Dia yang turun itu ialah Dia juga yang naik mengatasi semua langit, supaya Dia memenuhi segala sesuatu.*

Efesus 4:8-10

*Jangan takut! Akulah Yang Awal dan Yang Akhir dan Yang Hidup, dan Aku telah mati, dan lihatlah, Aku hidup untuk selama-lamanya dan Aku memegang kunci-kunci maut dan Hades.*

Wahyu 1:17-18

2 Samuel 22:6; Ayub 17:16; Mazmur 16:10; 30:3; 68:16-24; 116:3, 8-9, 15; 118:17-27; Yesaya 14:9-15; 38:18; 45:2; Yehezkiel 31:16; Hosea 13:14; Zakharia 9:9-12; Matius 12:28-29, 40; Kisah Rasul-rasul 2:22-36 (Mazmur 16:10-11); Roma 10:6-10 (Ulangan 30:12-14); Kolose 1:16; 2 Petrus 2:4.

## 16 Kebangkitan Raja

Orang mati tidak hidup semula. Satu peraturan tanpa kecuali. Bukan pengetahuan yang istimewa, semua orang tahu akan hal itu. Kematian, keterbatasan dan kefanaan kita, bukanlah ufuk yang mahu kita terima begitu sahaja. Ramai orang merasakan bahawa kita diciptakan untuk sesuatu yang lebih daripada kembali kepada tanah. Itu tidak mungkin semuanya.

Raja itu telah pergi berperang. Seorang diri, atas perintah Bapa-Nya. Untuk kita. Dia telah menghadapi kuasa maut. Dia telah membiarkan diri-Nya dikalahkan. Dia kalah dalam pertempuran itu dan justeru dengan itu memenanginya. Dia telah mengalahkan kuasa maut. Dia telah mengubah maut menjadi hidup. Semasa hidup-Nya Dia telah mengembalikan beberapa orang kepada kehidupan. Sekarang Dia dibangkitkan daripada kematian oleh Bapa-Nya. Peraturan tanpa kecuali itu dibatalkan. Allah, Sang Bapa, tidak berdiam diri terhadap kematian Orang Benar itu. Dia berdiam diri di Getsemani, ketika Yesus berdoa supaya dihindarkan daripada penderitaan ini. Dia berdiam diri, ketika Dia berjalan bersama Anak-Nya di jalan penderitaan yang berat. Dia berdiam diri, ketika Yesus tergantung di kayu salib. Tetapi kemudian Bapa berbicara dan menyatakan seluruh kuasa-Nya sebagai Allah dan mengembalikan Yesus kepada kehidupan.

Salib ialah jawapan "tidak" manusia yang kejam dan keras. Kebangkitan ialah jawapan "ya" Allah yang dinyatakan dengan jelas. "Ya" Allah kepada Kristus, kepada kehidupan dan kepada kita, walaupun kita berkelakuan seperti musuh-Nya. Atau sama sekali tidak berminat akan Pencipta kita.

Dalam kematian-Nya, Yesus berhadapan dengan permusuhan manusia. Dan dengan permusuhan kuasa-kuasa kegelapan dan maut. Dan Dia menjadi korban pengganti bagi dosa-dosa kita. Dalam kebangkitan dimeteraikan bahawa soal kesalahan, masalah dosa-dosa kita, telah diselesaikan sekali untuk selama-lamanya. Demi kepentingan kita. Dalam kebangkitan, semua kuasa yang tidak kelihatan yang memusuhi Allah dan manusia telah dikalahkan. Jalan sudah terbuka bagi Kerajaan Allah! Alangkah agungnya Raja yang keluar dari kubur ini! Raja itu hidup! Dia telah kembali dengan jaya daripada kematian. Masa depan suatu kehidupan yang baru telah bermula.

Telah bangkit! Yesus sendirilah yang menembusi maut dan meninggalkan kubur batu yang tertutup itu. Kain kafan-Nya ditinggalkan-Nya dalam keadaan teratur dan terlipat, dan Dia masuk ke dalam dunia kebangkitan. Dia ialah Yesus yang sama seperti yang dikenal oleh para pengikut-Nya. Parut di tangan dan kaki serta di lambung-Nya tetap ada sebagai peringatan kekal dan tanda penderitaan serta kematian-Nya untuk kita. Tetapi sekarang Dia menjalani kewujudan yang baru. Dia berjalan menembusi pintu yang terkunci, tidak memerlukan masa untuk berpindah tempat. Dia makan ikan bersama pengikut-pengikut-Nya, membiarkan diri-Nya disentuh, dan tetap untuk selama-lamanya manusia yang sejati.

Batu seberat bertan-tan di kubur itu dialihkan. Bukan supaya Yesus dapat keluar, tetapi supaya para pengikut dan wanita-wanita itu dapat masuk ke dalam kubur yang kosong.

Kebangkitan ini bertentangan dengan segala yang kita ketahui. Hal itu tidak mungkin berlaku! Satu dongeng? Satu mitos? Banyak usaha telah dikerahkan untuk menyangkal fakta sejarah ini. Tetapi hampir tiada peristiwa dalam sejarah dunia yang disokong dengan bukti sebaik peristiwa ini. Dan hal itu tidak sepatutnya menghairankan kita. Kerana segala-galanya bergantung pada peristiwa ini. Kubur itu kosong. Terlalu ramai saksi mata telah bertemu dengan Dia yang telah bangkit. Pengikut-pengikut yang ketakutan separuh mati menjadi orang yang berani mengaku Kristus. Mereka tidak takut lagi akan kematian. Terlalu ramai orang pada hari ini mengalami Kristus dalam pengalaman melihat dan mendengar yang ajaib, yang tidak dapat dijelaskan secara saintifik.

Kebangkitan Raja Mesias telah membawa umat manusia ke dalam satu dimensi yang baru. Dimensi ini mempunyai ruang bagi semua manusia. Dimensi ini meninggalkan maut dan kefanaan di dalam kubur untuk selama-lamanya. Di hadapan kita terbentang kewujudan yang baru. Hidup yang berlimpah-limpah. Hidup kekal dan ciptaan baru melambangkan apa yang telah diperjuangkan oleh Raja kita untuk kita. Dengan mempertaruhkan nyawa-Nya.

Kebangkitan-Nya merentap kita keluar ke dalam kehidupan. Hidup yang berbaloi dijalani telah menang – melalui Dia.

*Engkau, ya Tuhan, tidak akan menyerahkan aku kepada alam orang mati! Engkau tidak akan membiarkan aku berakhir di dalam kubur untuk selama-lamanya; kerana aku setia kepada-Mu!*

*Engkau menunjukkan kepadaku jalan kehidupan. Di dekat-Mu aku mendapat sukacita yang sempurna; dari tangan-Mu datang kebahagiaan kekal bagiku.*

Mazmur 16:10-11

Yohanes 2:22; Kisah Rasul-rasul 2:24, 32; 3:15; Roma 4:24-25; 6:4, 9; 8:11, 34; 10:9; 1 Korintus 15; 1 Tesalonika 1:10; Efesus 2:1-6; Kolose 3:1; 2 Timotius 2:8.

# 17 Kenaikan Raja

Kenaikan Raja Yesus ke syurga bukanlah pelarian. Bukan sekadar perpindahan tempat: Inilah peristiwa yang membawa akibat yang amat besar. Sebenarnya tidak kurang pentingnya daripada salib, kubur atau kebangkitan. Tentang peristiwa ini hampir tidak kedengaran apa-apa. Peristiwa ini memberikan kita satu hari cuti umum pada musim bunga, yang juga dikenali sebagai *Hari Bapa*. Padahal peristiwa ini memahkotai kehidupan dan kematian Yesus.

"Kenaikan ke syurga" kedengaran aneh. Itu bukan satu "perjalanan", kerana jika demikian Yesus tidak akan pernah sampai ke tujuan-Nya. Itu ialah peralihan ke dalam dunia Allah yang syurgawi, ke dalam alam transenden, yang sama sekali berbeza daripada dunia kita yang kelihatan dan imanen, tetapi tidak jauh daripadanya.

Yesus telah melalui langit dalam perarakan kemenangan. Semua makhluk di dunia sebelah sana menunduk. Mereka tidak mempunyai pilihan lain. Jalan ini menuju sampai ke takhta Allah. Serupa dengan kemasukan-Nya ke Yerusalem, namun sama sekali berbeza. Kerana salib sudah di belakang-Nya.

Seorang manusia telah membuka dan merintis jalan bagi kita manusia menuju hati Allah sebagai Bapa. Dialah jalan itu. Sekarang kita boleh pulang ke rumah. Bapa sedang menunggu kita. Dia mahu menyambut kita.

Mula-mula *Dia* yang disambut di sana, seperti seorang putera raja. Bercakap tentang Hari Bapa: Allah, Bapa yang kekal, mengalu-alukan Anak-Nya. Dia menyambut-Nya dengan gembira. Syurga bersukacita, semua malaikat dan makhluk syurgawi. Sang Anak sudah kembali. Selepas 33 tahun di bumi, Dia kembali ke istana syurgawi.

Dia telah menyelesaikan perkara yang berat. Dia telah mewujudkan penyelamatan yang kekal, keselamatan yang kekal. Satu ciptaan baru telah lahir. Melalui penjelmaan-Nya sebagai manusia, melalui kematian dan kebangkitan-Nya. Tidak hairanlah Dia begitu dirindukan di istana pemerintahan alam semesta dan kini disambut.

Semua ini bukan dongeng. Ini realiti yang membawa kesan yang besar. Akibatnya belum dapat dilihat sepenuhnya. Kita manusia terkena kesannya secara langsung.

Bagi kita, peristiwa kenaikan ke syurga ini hanya boleh bermakna bahawa kita berbuat seperti Bapa syurgawi. Marilah kita menerima Raja Yesus sama seperti Bapa menerima-Nya. Marilah kita menantikan Dia, marilah kita menyambut Dia. Dia juga mahu masuk ke dalam hidup kita. Dia bersedia untuk itu.

Sebenarnya, ketika Dia naik ke syurga di dalam awan di hadapan pengikut-pengikut-Nya, ada dua orang lelaki, dua malaikat, yang berkata: Sama seperti Dia pergi sekarang, demikian pastinya Dia akan datang kembali. Kelihatan, di dalam awan.

*Engkau naik ke tempat tinggi dalam perarakan kemenangan, membawa tawanan bersama-Mu. Hadiah-hadiah Engkau terima daripada manusia, juga daripada orang yang memberontak. Sesungguhnya, Allah, TUHAN, akan tetap tinggal di sini!*

*Terpujilah Tuhan! Hari demi hari Dia memikul beban kita; ya, Dia, Allah, ialah keselamatan kita.*

Mazmur 68:18-19

Markus 16:19-20; Lukas 24:50-53; Kisah Rasul-rasul 1:4-11; Ibrani 5:10; 4:14.

## 18 Pertabalan Raja

Majlis pertabalan ialah upacara yang penuh kemegahan. Tiada apa-apa yang dijimatkan. Satu peristiwa yang hanya sekali bagi setiap ratu dan setiap raja. Tetamu-tetamu kenamaan dijemput. Istana dihias. Tetapi sekarang kita berbicara tentang syurga. Di luar ruang dan waktu, daya bayangan kita terbatas. Fantasi dan fiksyen sains memberikan ilham kepada daya imaginasi kita. Namun kemasukan dan penyambutan Raja Mesias Yesus serta majlis pertabalan-Nya dalam dimensi syurgawi di seberang sana hanya dapat dibayangkan sedikit sahaja, jika dapat dibayangkan sama sekali. Tetapi sangat nyata dan membawa kesan yang luas.

Yesus dimahkotai dengan kemuliaan dan hormat – dengan karangan bunga kemenangan! Itu barangkali bukan karangan daripada ranting zaitun. Lebih tepat satu metafora yang dapat kita fahami. Sepuluh hari lamanya pesta pertabalan itu.

Allah, Sang Bapa, Raja alam semesta, menganugerahkan kepada Anak-Nya tempat kehormatan yang tertinggi yang dapat diberikan-Nya. Dia menjadikan-Nya wakil pemerintah. Apa yang dikatakan dan dilakukan-Nya, seolah-olah Allah sendiri yang melakukannya. Seperti Yusuf dahulu di Mesir sebagai wakil Firaun.

Penghormatan daripada Bapa syurgawi bukanlah satu kebaikan kekeluargaan atau kewajipan. Yesus layak mendapat tempat ini. Sedalam Dia merendahkan diri-Nya, setinggi itulah Dia ditinggikan. Sebuah kandang di Betlehem, kerja keras, tanpa harta, dihina dan akhirnya salib. Walaupun Dia Pencipta, Raja syurga! Hanya tempat kehormatan di pusat segala yang wujud dan gelaran kehormatan yang tertinggi layak bagi-Nya.

Raja Daud sudah menulis kata-kata yang penuh rahsia ini:

> *TUHAN berfirman kepada tuanku, "Duduklah di sebelah kanan-Ku, sampai Aku menjadikan musuh-musuhmu tempat letak kakimu!"*

Hal itu telah digenapi. Apabila anda membaca ini, ini bukanlah cerita basi. Semua ini membawa akibat. Jika Yesus telah dijadikan Tuhan dan Kristus, maka hal itu akan membawa kesan. Lambat-laun. Bagi planet kita, bagi setiap manusia.

Tiada seorang pun yang dapat mengelak daripada Tuhan ini, daripada *Lord of Lords* ini.




Pada masa itu, tidak lama selepas Yesus naik ke syurga, orang Kristian di katakomba dan tempat persembunyian mereka menyanyikan lagu-lagu seperti ini:

> *Kerana itu Allah meninggikan Dia setinggi-tingginya tanpa tandingan dan memberikan kepada-Nya, sebagai gelaran kehormatan, nama yang lebih agung daripada setiap nama yang lain.*
> *Dan kerana Yesus menyandang nama ini, suatu hari nanti semua orang akan berlutut di hadapan-Nya, semua yang ada di syurga, di bumi dan di bawah bumi.*
> *Semuanya akan mengakui bahawa Yesus Kristus ialah Tuhan, dan dengan itu memuliakan Allah, Sang Bapa.*

Atau: *Dan Dia yang telah turun itu, kemudian naik pula sampai mengatasi langit yang tertinggi, untuk memenuhi seluruh alam semesta dengan kehadiran-Nya.*

Juga: ... *kebangkitan Yesus Kristus, yang sekarang – setelah Dia naik ke syurga – duduk di tempat kehormatan di sebelah kanan Allah dan yang kepada-Nya malaikat-malaikat serta segala kuasa dan penguasa telah ditaklukkan.*

Sebenarnya, sama seperti pada kebangkitan, ada juga saksi mata bagi Raja Mesias yang *telah ditinggikan*. Paulus, yang dahulu seorang yang fanatik, terpaksa menyedari bahawa sesiapa yang mahu membasmi orang Kristian, sedang menyerang Kristus sendiri, Tuhan mereka. Sungguh besar kasih kurnia bahawa justeru kepadanya Kristus menampakkan diri. Bukan untuk menghukum.

Dalam perjalanan ke Damsyik, Paulus tiba-tiba berdiri dalam pancaran cahaya kemuliaan syurgawi-Nya. Seperti di atas pentas dalam sorotan lampu. Akibatnya: buta. Tiga hari kemudian kebutaan itu disembuhkan. Akibat pertemuan ini: Paulus berubah sepenuhnya. Mulai saat itu, secepat yang mungkin baginya, dia memberitakan Yesus sebagai Mesias dan Tuhan. Serta-merta dia faham bahawa peribadi ini ialah Mesias, seperti yang digambarkan dan diberitahukan dalam nubuat-nubuat. Segala-galanya tiba-tiba menjadi jelas baginya.

Seorang lagi saksi mata, malah sebelum Paulus, ialah pengikut Yesus bernama Stefanus. Orang Yahudi merejamnya dengan batu. Ketika batu-batu menghujaninya, dia dapat memandang ke dalam syurga yang terbuka. Kepada Yesus. Yesus berdiri dalam kemuliaan syurgawi dan membongkok ke arah martir yang sedang menghadapi maut itu untuk menyambutnya di sisi-Nya.

Segala kuasa telah diberikan kepada-Nya, di syurga dan di bumi. Dia memerintah. Dialah yang berkuasa. Tetapi, dan ini penting, cara-Nya memerintah berbeza. Tidak seperti cara maharaja, raja dan penguasa zalim. Pemerintahan-Nya tidak mementingkan diri, adil, benar dan penuh kasih. Pemerintahan-Nya bukanlah kuasa yang memaksa. Kejahatan dunia ini tidak dihentikan dengan kekerasan. Yesus, Raja atas segala raja, melakukannya dengan cara-Nya sendiri. Sama seperti yang kita kenal daripada Injil-injil. Kita boleh mempercayai Dia. Dia akan mencapai tujuan-Nya. Satu perkataan sudah cukup, dan semua kuasa dunia ini dihentikan.

Jika Bapa memberikan takhta kepada-Nya, maka tidak boleh tidak, Dia juga akan mendapat takhta hidup kita! Yesus, Raja yang sejati, bukan perampas takhta. Kita yang memutuskan siapa yang mendapat takhta dalam hidup kita. Manusia, berhala, agama, ketagihan, ketakutan – dan banyak perkara lain mahu menguasai hidup kita. Pemerintahan-Nya satu-satunya yang tidak memperhambakan kita. Satu-satunya yang mempunyai masa depan.

Di pihak manakah kita mahu berdiri? Saya mungkin sekali-sekala memandang rendah kebesaran dan kemuliaan Raja Mesias saya, Yesus, yang penuh kuasa itu. Kerana itu kita boleh menyerahkan takhta hidup kita kepada-Nya berulang-ulang kali. Pada-Nya ada pengampunan dan kesabaran. Sentiasa ada permulaan yang baru. Dia tidak menyalahkan kita. Dia sentiasa menerima kita semula ke dalam pemerintahan kasih kurnia-Nya.

*Aku melihat dalam penglihatan pada waktu malam: Dan lihatlah, bersama awan-awan di langit datanglah seorang yang seperti anak manusia. Dan dia datang kepada Yang Lanjut*

*Usianya, dan dia dibawa ke hadapan-Nya.*

*14 Dan kepadanya diberikan kekuasaan dan kehormatan dan kerajaan, dan semua bangsa, suku bangsa dan bahasa melayani dia. Kekuasaannya ialah kekuasaan yang kekal, yang tidak akan berlalu, dan kerajaannya tidak akan dimusnahkan.*

*Daniel 7:13-14*

Padanannya dalam Perjanjian Baru:

Yesus menjawab (kepada Imam Besar): *"Ya! Tetapi Aku berkata kepada kamu, mulai sekarang: Kamu akan melihat Anak Manusia duduk di sebelah kanan Yang Maha Kuasa dan datang di atas awan-awan di langit!"*

Matius 26:64

*Lihatlah, Dia datang bersama awan-awan, dan setiap mata akan melihat Dia, termasuk mereka yang telah menikam Dia, dan semua suku bangsa di negeri ini akan meratapi Dia. Ya, Amin.*

Wahyu 1:7

Yesus telah melalui langit menuju takhta Allah. Orang Israel di Yerusalem berdukacita semasa khutbah Petrus pada hari Pentakosta, orang-orang yang sama yang telah membunuh Dia.

*Bukalah lebar-lebar, hai pintu-pintu gerbang yang perkasa, berilah jalan, hai pintu-pintu yang purba, supaya Raja yang mulia dapat masuk. Siapakah Raja yang mulia ini? Dialah TUHAN, kuat dan perkasa, TUHAN, perkasa dalam peperangan. Siapakah Raja yang mulia ini? TUHAN Yang Maha Kuasa, Dialah Raja yang mulia.*

Mazmur 24:7-10

Ibrani 2:7, 9; Mazmur 10:16; Yeremia 10:7, 10; Kisah Rasul-rasul 2:34; Ibrani 1:13; Kejadian 41:41-46; Efesus 4:8-10; Mazmur 110:1; Filipi 2:5-11; 1 Petrus 3:22; Kisah Rasul-rasul 9:1-22; 7:54-60; Matius 28:18; Lukas 11:23.

## 19 Rajaku, Raja kemuliaan

*(Lagu dalam versi asal bahasa Jerman)*
*Der Wind, der in mir weht*
*Das Wort, das nie vergeht*
*Alpha und Omega*
*Der sein wird, ist und war*
*Berge verbeugen sich vor seinem Angesicht*
*Ein Wort und es geschieht*
*Er kommt und Ängste fliehn*

*Das ist mein König, König der Herrlichkeit*
*Sein ist das Reich, die Macht in Ewigkeit*
*Nichts muss ich fürchten, solange ich weiß*
*Dass der König der Könige nah bei mir bleibt*

*Der Weg auf dem ich geh*
*Das Licht auf meinem Weg*
*Meine Heimat, mein Zuhaus'*
*Deine Nähe füllt mich aus*

*Das ist mein König, König der Herrlichkeit*
*Sein ist das Reich, die Macht in Ewigkeit*
*Nichts muss ich fürchten, solange ich weiß*
*Dass der König der Könige nah bei mir bleibt*

Tobias / Samuel / Hundt / Harfst

## 20 Raja – Anak Daud dan Anak Allah

Mazmur kedua tidak mempunyai tajuk. Mazmur ini ialah mazmur raja, dan kita menyangka bahawa mazmur ini ditulis oleh Daud. Mungkin begitu, tetapi raja yang digambarkan di sini tidak mungkin Daud, dan juga bukan anaknya Salomo. Sebaliknya mazmur ini menunjuk kepada seorang raja yang unik, yang belum ada pada masa itu. Yang Diurapi dalam Mazmur 2, Mesias, ialah raja yang dipilih oleh Allah. Dia diurapi dan dilantik menjadi raja dan pada masa yang sama diurapi dengan Roh untuk menjalankan jawatan-Nya.

Dalam bab yang agak panjang ini, yang diutamakan ialah bahawa Raja ini ialah Anak Allah. Di Timur Dekat purba, di kalangan orang Mesir, juga di Mesopotamia, raja dianggap dewa yang menjelma. Jika seseorang membaca Mazmur 2 tanpa mengetahui siapa sebenarnya yang dimaksudkan, dalam mazmur ini Yang Diurapi dilantik menjadi raja di Bukit Sion di Yerusalem dan dengan itu diangkat sebagai anak Yang Maha Tinggi. Jadi sebelumnya dia bukan anak. Kelahiran dalam Mazmur 2 ialah pertabalan. Dengan menduduki takhta, raja diangkat menjadi anak Allah.

> *"Aku telah melantik raja-Ku di Sion, gunung-Ku yang suci!"*
> *Aku akan memberitahukan ketetapan TUHAN. Dia berfirman kepadaku: Engkaulah anak-Ku, pada hari ini Aku telah memperanakkan engkau.*
> *Mintalah kepada-Ku dan Aku akan memberikan bangsa-bangsa kepadamu sebagai warisan, dan hujung-hujung bumi sebagai milikmu.*

Berbeza dengan keadaan sejarah, pemerintahan di sini bukan hanya meliputi Yehuda atau Israel, tetapi semua bangsa. Adakah orang bermimpi tentang pemerintahan atas seluruh dunia?

*Impian Allah ialah menyatukan semua bangsa di bawah seorang Raja yang unik dan memberkati seluruh dunia melalui Raja ini.* Hal itu bermula dengan Daud sebagai gambaran asal raja yang ideal dan prototaip Raja yang akan datang. Bukan sebarang raja, tetapi daripada keturunannya, dengan kata lain, seorang anak Daud. Daripada suku diraja Yehuda. Mazmur 2 memandang ke masa depan dan menantikan penggenapan secara harfiah. Mazmur ini bukan angan-angan yang berlebih-lebihan, tetapi nubuat Mesias yang paling murni, yang telah digenapi

dan masih akan digenapi sepenuhnya. Pada hari ini kita hidup dalam penggenapan mazmur ini, seperti yang ditunjukkan oleh Kisah Rasul-rasul 13:32-34:

> *Dan kami memberitakan kepada kamu berita baik tentang janji yang telah diberikan kepada nenek moyang kita, bahawa Allah telah menggenapinya bagi kita, anak-anak mereka, dengan membangkitkan Yesus, seperti yang tertulis juga dalam mazmur yang kedua:*
> *"Engkaulah Anak-Ku, pada hari ini Aku telah memperanakkan Engkau."*
> *Tetapi bahawa Dia telah membangkitkan-Nya daripada kematian, supaya Dia tidak kembali lagi kepada kebinasaan, dinyatakan-Nya begini: "Aku akan memberikan kepadamu berkat-berkat yang pasti, yang dijanjikan kepada Daud."*

Berkat-berkat yang pasti yang dijanjikan kepada Daud ialah janji kepada Daud, dan dengan itu kepada bangsa yang dipimpinnya sebagai raja, bahawa akan ada seorang anak di atas takhta Daud yang akan memulakan pemerintahan atas seluruh dunia untuk selama-lamanya (Yesaya 55:3). *Dalam diri Kristus hal ini telah digenapi.* Israel memang mempunyai makna bagi seluruh dunia. Kerana Yesus, seorang Yahudi daripada suku Yehuda, kini duduk di atas takhta syurgawi. Dialah penggenapan itu, atau lebih tepat lagi, penggenapan yang melampaui janji itu. *Kerana Dia tidak menjadi Anak, Dia ialah Anak Allah yang kekal, yang menjadi manusia.* Diperanakkan oleh Allah, Dia juga sebagai manusia ialah Anak Allah, dan di samping itu disahkan sebagai Anak Allah dalam kebangkitan:

> *… Injil Allah (yang telah dijanjikan-Nya terlebih dahulu melalui nabi-nabi-Nya dalam Kitab Suci) tentang Anak-Nya (yang lahir daripada keturunan Daud menurut daging dan dinyatakan sebagai Anak Allah dengan kuasa menurut Roh kekudusan melalui kebangkitan orang mati), Yesus Kristus, Tuhan kita.*
> *Roma 1:1-4*

Mazmur kedua menggambarkan upacara menaiki takhta. Upacara ini diambil oleh penulis Injil Markus dan diolah dalam Injilnya. Pertabalan raja dalam Mazmur 2:7-8 terutamanya tercermin dalam Markus 1:11 dan 9:7, tetapi menuju

ke arah yang lain daripada yang mungkin dijangka oleh pembaca Yahudi, lalu disempurnakan dalam 15:39.

| Mazmur 2 | Injil Markus |
|---|---|
| Pengurapan raja dan kurnia Roh 2:2, 6 | "Pengurapan" Yesus menjadi Raja 1:11 |
| Pelantikan di Bukit Sion (raja menaiki takhta) 2:6 | Firman Allah kepada Yesus (dan Yohanes) (langit terkoyak) 1:11 dan 9:7 |
| Berita Allah kepada bangsa-bangsa 2:6 | Pelantikan Yesus sebagai Anak Allah 1:11 dan 9:7 |
| Pengesahan pemerintahan dan pemberian kuasa kepada raja, pelantikan raja menjadi Anak Allah 2:7 | Kemuliaan Yesus semasa perubahan rupa-Nya di Gunung Hermon 9:2-3, 7 |
| Penyerahan pemerintahan – pemerintahan raja Yerusalem atas seluruh dunia 2:8 | Kuasa Yesus dalam pengusiran roh jahat dan mukjizat-mukjizat |
| Penerimaan lambang-lambang pemerintahan (tongkat besi – memecahkan bekas tanah liat) 2:9 | Tongkat Yesus ialah pemberitaan Injil-Nya 1:14 (berdasarkan Yesaya 11:4 – "tongkat mulutnya") Yesus menaiki takhta – jalan salib ke Golgota – salib sebagai takhta 15:16-19, 39 |

Kajian ini saya peroleh daripada Nenad Božović, dalam buku himpunan "Christ of the Sacred Stories", 2017, Tübingen.

Dalam ayat yang paling pertama Markus memulakan: *"Permulaan Injil Yesus Kristus, Anak Allah."* Kristus, Yang Diurapi, Dialah Anak Allah! Akhirnya dapat dikatakan siapakah tokoh sejarah Mesias dalam Mazmur 2. Tetapi Mesias yang bagaimanakah yang digambarkan oleh Markus? Garisnya menuju terus ke salib, di mana bukan seorang Yahudi, tetapi seorang Rom turut menyuarakan pengakuan Markus pada permulaan Injilnya: *Apabila pegawai tentera yang berdiri di hadapan-Nya melihat bagaimana Dia berseru dan menghembuskan nafas terakhir, dia berkata: Sungguh, orang ini Anak Allah!* (15:39)

Pada permulaannya, seperti dalam Mazmur 2, Allah, Sang Bapa, yang berbicara kepada Anak-Nya dan menyatakan tentang Dia apa yang amat penting dan pada masa yang sama tidak terselami: *Dan terdengarlah suara dari langit: Engkaulah Anak-Ku yang Kukasihi, kepada-Mu Aku berkenan* (1:11). Demikian juga

di tengah-tengah Injil: *Dan datanglah awan yang menaungi mereka; dan terdengarlah suara dari awan itu: Inilah Anak-Ku yang Kukasihi, dengarlah Dia* (9:7).

Turunnya Roh ke atas Yesus, dalam terang pertabalan dalam Mazmur 2, dapat dianggap sebagai "pengurapan Yesus menjadi Raja": *Dan sebaik sahaja Dia keluar dari air, Dia melihat langit terbelah dan Roh turun ke atas-Nya seperti burung merpati* (1:10). Pada zaman Nuh, burung merpati kembali dengan sehelai daun zaitun, dan hal ini membolehkan kita mengenali burung merpati itu sebagai Roh Allah (minyak zaitun = pengurapan dengan Roh Kudus). Melalui turunnya Roh, Yesus disahkan dan diberi kuasa sebagai Mesias yang telah lama dinanti-nantikan. Allah sendiri, Sang Bapa, melakukannya: *Aku telah mendapati Daud, hamba-Ku – dengan minyak-Ku yang suci Aku telah mengurapinya* (Mazmur 89:20). Satu lagi firman Yesaya digenapi: *Lihatlah hamba-Ku, yang Kutopang, orang pilihan-Ku, yang kepadanya Aku berkenan: Aku telah menaruh Roh-Ku ke atasnya, dia akan menyatakan keadilan kepada bangsa-bangsa* (42:1). Hubungan Allah dengan Yesus unik dan penuh kasih, penuh kasih sayang timbal balik. Hubungan itu melampaui semua hubungan yang kita kenal, dan memenuhi kedudukan Yesus sebagai Raja, sebagai Anak Allah yang tunggal, dengan dimensi dan kepenuhan yang belum pernah ada.

Penyerahan pemerintahan kepada raja yang disebut dalam 2:8 berlaku dalam Markus 1:11 melalui penyatuan dengan Roh dan kelihatan dalam kuasa Yesus. Yesus mengajar sebagai seorang yang mempunyai "kuasa" (1:22, 27); kuasa-Nya juga kelihatan dalam pengusiran roh-roh jahat (1:24), dan hal ini menyerupai kuasa raja dalam Mazmur 2:9. Kuasa-Nya juga kelihatan dalam hal bahawa kemunculan Yesus menimbulkan rasa takjub dan kagum (1:27), bahawa berita tentang perbuatan-Nya tersebar luas (1:28) dan mukjizat-mukjizat-Nya bertambah banyak (1:29-34).

Tongkat besi dalam Mazmur 2:9, yang dengannya musuh-musuh dipecahkan seperti bekas tanah liat, dapat dikaitkan dengan Yesaya 11:4, satu ayat yang berbicara tentang "tongkat mulutnya" Mesias yang penuh dengan Roh. Jika hal ini diterapkan pada pertabalan Yesus dalam Markus 1:1-15, maka "tongkat mulut-Nya" dapat difahami sebagai tongkat Yesus, sebagai tongkat kerajaan diraja, *iaitu tongkat kerajaan Yesus ialah pemberitaan Injil-Nya (1:14).*

Dalam 2:8 bangsa-bangsa dijanjikan kepada raja sebagai milik dan pemerintahan atas seluruh dunia diserahkan kepadanya. Jika kita melihat janji ini dalam konteks Markus 1:11, timbul soalan bangsa-bangsa manakah yang

dijanjikan kepada Yesus sebagai milik dan apakah maksud "hujung-hujung bumi" dalam konteks ini. Satu jawapan mungkin berbunyi: Semua bangsa yang kepadanya Injil diberitakan dan yang menerimanya ialah bangsa-bangsa yang menjadi "milik" Yesus. Injil diberitakan sampai ke "hujung-hujung bumi". Anggota pertama salah satu bangsa ini yang menjadi milik Yesus, Mesias yang telah ditabalkan, ialah pegawai tentera Rom di bawah salib dalam 15:39.

Bukannya kuasa politik-Nya bertambah, seperti yang dijangkakan, sebaliknya pertabalan dalam Markus menuju ke arah yang bertentangan: *Mesias tidak mengejar kuasa politik*. Di hadapan para pengikut berdiri seorang Mesias yang akan menderita. Sebelum pemuliaan di Gunung Hermon, Yesus sekali memberitahukan penderitaan-Nya dalam 8:31-33, dan selepas pemuliaan itu dua kali lagi, dalam 9:30-32 dan 10:32-34. Jika kita memerhatikan hal ini, kita dapat memahami mengapa dalam Markus Yesus tidak pernah memperkenalkan diri-Nya sebagai Mesias atau Anak Allah, tetapi selalu menggunakan istilah-istilah lain yang tidak menimbulkan harapan yang salah.

*Langkah terakhir pertabalan Yesus dalam 15:39 telah disediakan sebelumnya di beberapa tempat:* mula-mula melalui kemasukan Yesus ke Yerusalem, melalui pengurapan Yesus oleh seorang wanita untuk pengebumian-Nya, kemudian dalam perbicaraan di hadapan Pilatus dan akhirnya dalam ejekan para askar terhadap Yesus. Dalam kemasukan Yesus ke Yerusalem dalam 11:1-10 dan Dia duduk di atas keldai, kelihatan satu persamaan dengan pertabalan Salomo, yang memasuki Yerusalem dengan menunggang baghal Daud (1 Raja-raja 1:38). Hal ini menjelaskan seruan orang ramai, "*Terpujilah kerajaan bapa kita Daud*" dalam 11:10, yang menunjukkan bahawa mereka menantikan pemulihan keturunan Daud.

Dalam sengsara-Nya, Yesus didandani dan dipakaikan dengan perlengkapan seorang raja naungan Helenistik, dengan jubah ungu dan mahkota duri. Salam: "Hidup Raja orang Yahudi" mewakili salam penghormatan yang biasa di hadapan pemerintah dan menyerupai "Ave Caesar". *Seluruh adegan itu dimaksudkan sebagai karikatur upacara diraja.* Kepala Yesus dipukul dengan sebatang kayu dan Dia diludahi. Menurut Matius 27:29, kayu itu diletakkan di tangan kanan-Nya dan dengan itu dijadikan "tongkat kerajaan diraja". Melalui karikatur upacara diraja ini, para askar mentertawakan Yesus dan menyangkal Dia sebagai pemerintah yang sah.

Pendakian ke bukit Golgota (15:22) dapat ditafsirkan sebagai Yesus menaiki takhta. Dengan itu tempat ini menjadi lawan kepada Sion: Sementara pertabalan diraja di Sion dalam Mazmur 2 bermakna kuasa politik, di bukit Golgota Raja Mesias yang menderita ditabalkan. *Salib sendiri melambangkan takhta diraja, tempat Yesus mati sebagai Raja orang Yahudi.*

Terkoyaknya tirai Bait Allah melambangkan terbukanya jalan kepada Allah bagi semua bangsa, dan hal ini dapat dikaitkan dengan ungkapan "memberikan bangsa-bangsa sebagai milik" dalam Mazmur 2:8. Pembukaan ini berlaku dalam kematian Yesus: *Melalui penyaliban Anak-Nya, Allah dinyatakan di hadapan semua bangsa.*

Akhirnya menyusul pengakuan pegawai tentera itu dalam 15:39. Berbeza dengan imam-imam kepala Yahudi, pegawai tentera itu tidak memerlukan tanda untuk percaya, tetapi menjadi percaya di bawah salib. *Hanya di bawah salib pembaca dapat memahami siapa Yesus dan Mesias yang bagaimanakah Dia.* Dengan itu pertabalan Yesus dalam Markus disempurnakan.

Apakah yang masih perlu kita katakan pada akhir perjalanan melalui mazmur kedua dan Injil Markus ini? Kitab-kitab suci Perjanjian Lama dan Perjanjian Baru membentuk satu kesatuan yang terjalin dan tidak dapat dipecahkan. Yang satu tidak boleh dimiliki tanpa yang lain. *Nubuat ialah realiti ilahi!*

*Raja itu telah datang dan Dia akan datang untuk kali kedua.* Dialah Raja kita. Marilah kita, di sini dan sekarang, tanpa syarat dan di hadapan seluruh dunia, mengikuti seruan ini, yang tidak lama lagi akan dipatuhi oleh seluruh dunia:

> *11 Layanilah TUHAN dengan takut, gementarlah di hadapan-Nya dan bersoraklah bagi-Nya!*
> *12 Hormatilah Anak-Nya, supaya Dia tidak murka dan kamu binasa di jalanmu yang salah – kerana kemurkaan-Nya cepat menjadi api yang menghanguskan kamu! Berbahagialah semua orang yang mencari perlindungan pada-Nya.*

Berkat-berkat yang pasti yang dijanjikan kepada Daud sebagai perjanjian yang kekal:

*Apabila umurmu sudah genap dan engkau dibaringkan bersama nenek moyangmu, Aku akan membangkitkan keturunanmu sesudah engkau, yang akan lahir daripada tubuhmu sendiri, dan Aku akan meneguhkan kerajaannya. Dialah yang akan mendirikan rumah bagi nama-Ku; dan Aku akan meneguhkan takhta kerajaannya untuk selama-lamanya. ...*

*Dan keturunanmu dan kerajaanmu akan kekal di hadapanmu untuk selama-lamanya, takhtamu akan teguh untuk selama-lamanya.*

2 Samuel 7:12-16

*1 Mengapakah bangsa-bangsa bergolak? Mengapakah suku-suku bangsa menyusun rancangan yang pasti akan gagal?*

*2 Raja-raja dunia ini bersiap sedia untuk menyerang, dan para penguasa bersekutu untuk berperang melawan TUHAN dan melawan raja yang telah diurapi-Nya.*

*6 Dia berfirman, "Aku sendiri telah melantik raja-Ku di sini, di Sion, gunung-Ku yang suci!"*

*7 Lalu raja itu berkata, "Aku akan memberitahukan ketetapan TUHAN; Dia telah berfirman kepadaku: 'Engkaulah anak-Ku, pada hari ini Aku telah memperanakkan engkau.*

*8 Katakanlah permintaanmu, Aku akan memenuhinya! Aku memberikan kepadamu semua bangsa sebagai warisan, bumi sampai ke hujungnya yang paling jauh akan menjadi milikmu!*

*10 Maka sekarang, insaflah, hai raja-raja dunia, terimalah amaran, hai hakim-hakim di bumi!*

Mazmur 2

*Daripada Daud, sebuah mazmur.*

*TUHAN berfirman kepada tuanku:*

*Duduklah di sebelah kanan-Ku, sampai Aku meletakkan musuh-musuhmu sebagai tempat letak kakimu!*

*Tongkat kekuasaanmu akan dihulurkan TUHAN dari Sion; berkuasalah di tengah-tengah musuhmu!*

Mazmur 110:1-2

Yang Diurapi dalam mazmur-mazmur raja: 2:2; 20:6; 84:9; 89:38; 132:10

## 21 Hadiah daripada Raja

Yesus telah menjanjikannya. Apabila Dia pergi, apabila Dia tidak ada lagi dan para pengikut harus hidup tanpa Dia, Dia akan mengutus Roh. Sebagai wakil-Nya. Itulah *Roh Kudus*. Roh ini begitu bersatu, begitu dikenali dengan Yesus, sehingga Yesus dapat berkata bahawa Dia sendiri datang kepada mereka. Roh ini ialah Allah sama seperti Yesus juga, satu Peribadi yang ada di mana-mana. Maha hadir. Yesus, sebagai Tuhan dan Raja yang telah dimahkotai, kini melalui Roh ini secara langsung bersama semua orang yang mengasihi-Nya. Iaitu bersama mereka yang percaya kepada-Nya dan taat kepada-Nya.

Untuk hari pengurniaan Roh ini pun masih ada hari cuti umum pada hari ini. Satu hujung minggu penuh. *Pentakosta* ialah nama peristiwa sejarah ini. Pentakosta ialah perayaan Yahudi. Lima puluh hari jaraknya antara Paskah, iaitu kebangkitan Yesus, dan perayaan Pentakosta. Selepas empat puluh hari Yesus naik ke syurga. Sepuluh hari kemudian Dia mengurniakan dan mengutus Roh kepada para pengikut yang sedang berdoa di Yerusalem.

Ini bermakna sepuluh hari majlis pertabalan dan penaikan takhta Raja di dunia syurgawi. Syurga dan penghuninya bersorak-sorai. Sang Anak sudah kembali dan telah menyelesaikan apa yang perlu dilakukan untuk menyelamatkan dunia. Hal itu harus dirayakan. Dan diberi ganjaran. Bapa mengurniakan kepada Anak-Nya – selain tempat kehormatan yang tertinggi – Roh Kudus.

Roh ini kini menjadi tangan dan mata Raja. Diutus ke seluruh bumi. Kristus ada di mana Roh ada. Di mana-mana Dia aktif. Dia mencari, menolong, membebaskan, menerangi, mencegah malapetaka dan juga membawa penghakiman di mana ketidakadilan sudah melampaui batas.

Melalui Roh ini Dia memerintah, Raja Mesias itu. Pemerintahan-Nya nyata. Di kalangan orang-Nya yang setia kepada-Nya. Dalam Kerajaan-Nya, yang – selagi Raja itu belum kembali – tidak kelihatan. Kerana dari segi politik, orang-orang besar dunia inilah yang memerintah. Mereka yang setia kepada Yesus sering kali ditindas. Malah dianiaya. Mereka, seperti Yesus sendiri dahulu, termasuk dalam satu *kerajaan yang menderita*.

Roh Allah, yang telah diutus dan dikurniakan oleh Raja itu, ialah bukti bahawa Dia ialah Raja, Yang Maha Tinggi, yang sulung yang bangkit daripada kematian. Dialah yang kini, sebagai manusia yang telah bangkit, memperoleh kembali segala keagungan dan kekayaan ilahi yang dimiliki-Nya sebelum Dia datang dan sebelum dunia ada. Semua itu memang telah ditinggalkan-Nya ketika Dia menjadi manusia. Dia telah melepaskannya dengan rela. Kemuliaan inilah yang disaksikan dan disahkan oleh Roh Kristus di bumi. Terutamanya di tempat manusia mendambakannya.

Roh Allah yang hidup ini – atau Roh Mesias – ialah ikatan yang menghubungkan Dia dengan erat dengan para pengikut-Nya di bumi. Jarak bukanlah halangan bagi kesatuan dan persekutuan ini. Roh itu memberikan kesaksian tentang Raja Mesias di mana sahaja manusia mendengar Injil dan tersentuh.

Roh itu ialah kekuatan bagi para pengikut untuk setia kepada Raja. Dialah pemimpin mereka, jurulatih mereka, pembela dan peguam mereka.

Ada pelbagai jenaka yang kedengaran tentang Roh ini. Di tempat berlakunya fenomena yang tidak dapat dijelaskan tetapi sama sekali tidak penting, katanya Dialah penyebabnya. Seakan-akan hantu. Yang tetap penting ialah, Roh ini aktif tanpa henti. Dengan kemungkinan ilahi yang tidak terbatas. Supaya manusia bertemu secara peribadi dengan Raja. Dan pulang ke dalam Kerajaan-Nya. Kerajaan itu terbuka bagi semua orang. Yang dijemput secara khusus ialah orang yang lemah. Orang yang ragu-ragu. Mereka yang telah merosakkan segala-galanya. Orang berdosa yang tahu bahawa mereka orang berdosa. Juga orang-orang baik yang belum tahu bahawa mereka juga sama memerlukan Dia.

Roh Allah ini, Roh Kristus ini, bersama hati Yesus dan hati Bapa, aktif di barisan paling hadapan apabila berkaitan dengan penyelamatan dunia. Kita akan sangat terkejut jika kita dapat melihat yang tidak kelihatan melalui cermin mata khas dan dalam warna. Sebaliknya, tidak terbayangkan bagaimana rupa dunia kita jika Roh ini tidak dikurniakan oleh Raja.

*Kerana itu dikatakan dalam kitab Allah: "Ketika Dia naik ke tempat tinggi, Dia menawan tawanan itu sendiri dan sebagai gantinya memberikan hadiah-hadiah kepada manusia.*

*Apakah maksud pernyataan: "Dia telah naik?" Tidak lain juga bahawa Dia telah turun ke bahagian-bahagian bumi yang paling dalam!*

*Dia yang turun itu ialah Dia yang sama yang juga telah naik, jauh mengatasi semua alam syurgawi, sehingga Dia memenuhi seluruh alam semesta sepenuhnya.*

Efesus 4:8-10

Yohanes 14:18, 28; 16:4, 7; Kisah Rasul-rasul 1:5-8; 2; 5:32; Wahyu 1:4; 5:6; 2 Korintus 3:17.

## 22 Raja sebagai pemberi yang murah hati dan sebagai pemberian

Raja yang baik dan ideal pada zaman purba dikenali melalui kemurahan hatinya, dan tentu sahaja dengan itu dia juga menuntut penghargaan dan balasan seperti kesetiaan. Begitulah caranya pada masa itu. Raja yang ideal pada zaman purba ialah seorang dermawan yang murah hati, yang berusaha untuk kesejahteraan rakyatnya. Dia memerintah, antara lain, melalui kemurahan hati yang dipamerkan. Mungkin itu lebih banyak klise daripada kenyataan.

Yesus ialah Kristus, Mesias diraja, Raja yang diurapi daripada keturunan darah Daud. Jadi apabila dibicarakan tentang Kristus, motif raja lebih kurang sentiasa hadir. Sebagai Raja Israel dan Raja seluruh dunia.

Surat Roma menggunakan motif raja di beberapa tempat. Asasnya diletakkan oleh Paulus tepat pada permulaan dalam 1:3-4:

> … *untuk memberitakan Injil Allah, yang telah lama dijanjikan-Nya melalui nabi-nabi-Nya dalam Kitab Suci – Injil tentang Anak-Nya, yang menurut daging berasal daripada keturunan Daud, tetapi menurut Roh kekudusan dilantik sebagai Anak Allah dalam kuasa, sejak kebangkitan daripada kematian: Injil tentang Yesus Kristus, Tuhan kita.*

Kepada hal ini dia kembali berulang-ulang kali dan membina di atasnya. Dengan hal ini juga surat itu diakhiri, iaitu dengan Dia yang akan memerintah sebagai raja, yang kepada-Nya bangsa-bangsa akan berharap (Roma 15:7-13). Penderitaan-Nya dan kesediaan-Nya untuk berkorban tidak dapat membuat kesetiaan Allah berdiam diri: Allah menganugerahkan kepada-Nya pemerintahan atas alam semesta dengan menganugerahkan takhta kepada-Nya. Pemerintahan Adam pada awal mula ditandai oleh ketidaktaatan, dosa dan maut. Sebaliknya pemerintahan Kristus ditandai oleh ketaatan, kebenaran dan hidup. Maut tidak dapat menahan-Nya, Dia dibangkitkan oleh kemuliaan Allah dan kini ditabalkan di sebelah kanan Allah. Gambaran ideal Paulus tentang raja boleh dikatakan bersifat program, satu dialog tentang Mesias dalam Roma 5-8 dan dalam seluruh surat itu.

Roma 5:1-11 ialah ringkasan segala yang telah dikatakan sehingga itu dan pada masa yang sama asas bagi apa yang menyusul kemudian. Teks ini dibingkai dalam ayat 1 dan 11, masing-masing dengan kata-kata "*melalui Tuhan kita Yesus Kristus*" (sama seperti seluruh surat itu dibingkai secara diraja antara 1:1-7 dan 15:7-13). Teks Paulus ini dapat dilihat dari sudut pandangan kebaikan atau kemurahan hati raja. Hal itu memberikan cahaya yang istimewa kepadanya dan barangkali juga difahami begitu oleh para pembaca yang asal.

Pemberian raja yang amat besar itu membebaskan, menguatkan dan memelihara para pengikutnya. Demikian juga halnya dengan Kristus dan orang-orang-Nya.

Raja yang ideal membawa damai dan perdamaian kepada rakyatnya atau kepada sebuah kota. *Demikianlah kita mempunyai damai dengan Allah melalui Tuhan kita Yesus Kristus.* Melalui Dia, Dermawan diraja itu, kita mendapat jalan masuk kepada Allah. Jalan masuk ke dalam bilik-bilik istana diraja. Di sana kita sudah menjadi warga, kita boleh tinggal di sana, 24/7. Bagi seseorang yang tidak layak, tidak dikenali dan tidak penting, atau seorang musuh, jalan masuk seperti ini jauh di luar segala kemungkinan.

Paulus menggambarkan Mesias sedang mempersembahkan korban, seperti yang juga dilakukan oleh raja-raja pada zaman purba. Tetapi korban ini ialah diri-Nya sendiri, dengan menyerahkan nyawa-Nya. Mungkin saja seorang raja mengorbankan diri untuk rakyatnya dalam peperangan atau bersedia untuk berbuat demikian. Bagaimanapun, dia mengharapkan hal itu daripada rakyatnya, terutamanya daripada askar-askarnya.

Tetapi yang meninggalkan setiap pola biasa tentang raja yang murah hati pada zaman purba ialah *siapa yang menerima kebaikan itu di sini.* Bukan orang yang benar dan layak atau terhormat yang mendapat kemurahan raja-raja. Di sini yang menerimanya ialah orang berdosa, musuh, mereka yang layak dihukum mati. *Inilah kejutan yang besar: Seorang Raja mati untuk musuh-musuh-Nya dan tidak dapat pun mengharapkan bahawa mereka akan melayani-Nya, seperti yang lazim pada zaman purba.* Kerana di sana suatu pemberian diberikan dengan harapan akan mendapat balasan, dalam apa jua bentuk. Begitulah sekurang-kurangnya kemurahan hati berfungsi.

Tema penderitaan juga dibincangkan dalam dialog diraja ini. Pemberian raja biasanya bermakna menamatkan penderitaan. Tetapi di sini penderitaan tetap ada, kerana penderitaan baru akan berakhir sepenuhnya dalam masa depan yang

mulia dalam Kerajaan Allah yang dibawa oleh Mesias. Bertahan dalam penderitaan, dan bermegah dalam penderitaan, itulah satu cara menyatakan kesetiaan kepada Raja, kepada Kristus kita.

*1 Jadi sekarang kita telah dibenarkan berdasarkan kepercayaan. Dengan itu kita mempunyai damai dengan Allah melalui Tuhan kita, Mesias Yesus.*

*2 Melalui Dia, berdasarkan kepercayaan kita, sekarang kita juga mendapat jalan masuk yang bebas kepada pengalaman kasih kurnia Allah ini. Di dalamnya kita berdiri teguh dan dengan penuh kebanggaan bersandar pada harapan akan kemuliaan Allah yang menakjubkan.*

*7 Sangat jarang berlaku seseorang mati untuk orang lain, untuk orang yang benar. Ya, mungkin ada orang yang berani mati untuk orang yang benar-benar baik.*

*8 Tetapi Allah telah menunjukkan kasih-Nya kepada kita dengan sangat jelas, kerana Mesias telah mati untuk kita ketika kita masih pelanggar hukum.*

*10 Kerana memang begini: Ketika kita masih musuh Allah, Allah telah memperdamaikan kita semula dengan diri-Nya melalui kematian Anak-Nya sebagai korban. Dan itu juga bermakna bahawa kita, lebih-lebih lagi sekarang setelah kita diperdamaikan dengan-Nya, akan mengalami keselamatan melalui hidup-Nya.*

*11 Tetapi bukan itu sahaja! Kita juga bermegah dalam Allah, melalui Tuhan kita, Mesias Yesus. Kerana melalui Dialah kita telah diperdamaikan!*

Roma 5:1-11

*Dan di tempat lain dalam kitab Allah tertulis: "Bersukacitalah, hai bangsa-bangsa, bersama-sama dengan umat-Nya!"*

*Dan di tempat lain: "Pujilah Allah, Tuhan, hai semua bangsa, dan biarlah semua suku bangsa memuji Dia!"*

*Nabi Yesaya juga berkata: "Dia yang sesungguhnya ialah asal usul Isai, akan bangkit untuk memerintah bangsa-bangsa. Ya, bangsa-bangsa akan berharap kepada-Nya!"*

Roma 15:10-12

## 23 Kekayaan Raja

Seorang raja itu kaya. Biasanya begitu. Dia mempunyai harta yang banyak. Tetapi apakah kekayaan dalam dunia yang fana? Dan apakah nilai kekayaan jika kekayaan itu dirampas daripada rakyatnya sendiri? Jika hanya sedikit orang yang kaya, tetapi ramai yang miskin?

Raja Mesias Yesus ialah Anak Allah. Dialah pewaris yang mendapat segala-galanya. Seluruh alam semesta. Segala yang wujud. Semuanya milik-Nya.

Kekayaan bukan hanya harta benda. Ada sifat-sifat etika dan moral yang membuat seseorang miskin atau kaya. Kebaikan, kasih kurnia, kasih dan keadilan, kebenaran dan keramahan, kemurahan hati dan kebijaksanaan ialah kelebihan-kelebihan yang diharapkan orang daripada seorang raja. Yesus menghidupinya sebagai manusia. Sifat-sifat ini tetap ada pada-Nya; juga sebagai Yang Maha Tinggi, Dia tetap seperti yang digambarkan oleh Injil-injil.

Kuasa dan kekayaan sering mengubah manusia. Tidak selalu ke arah yang baik. Yesus dahulu, sekarang dan tetap sama untuk selama-lamanya. Bagi kita manusia, itu berita baik. Sesuatu yang tetap. Bagi kita, itulah yang dapat kita andalkan.

Kekayaan kemuliaan-Nya melebihi emas, perak dan mata wang kripto. Kekayaan-Nya ialah ciptaan baru, di seberang maut dan kefanaan.

Sungguh mengagumkan apabila kita membaca bahawa Dia menganggap *manusia* yang untuknya Dia mati dan yang berserah kepada-Nya sebagai pengikut yang setia sebagai kekayaan-Nya. Sebagai milik-Nya yang berharga. Manusia ialah kekayaan yang terbesar, jika kita mahu jujur. Mereka membuat hidup kita kaya; tanpa mereka kita akan miskin.

Yesus membuat kita kaya. *Dia berkongsi segala kekayaan-Nya, tempat kehormatan-Nya, dengan semua orang yang mahu menjadi milik-Nya.* Kamu tahu, demikian kata sebuah ayat Alkitab, bagaimana kasih kurnia Yesus Kristus, Tuhan kita, telah dinyatakan: *Dia yang kaya telah menjadi miskin kerana kamu, supaya kamu menjadi kaya melalui kemiskinan-Nya.*

Jika berkaitan dengan perkara-perkara yang baik, kita atau kebanyakan daripada kita tidak banyak yang dapat ditawarkan. Terus terang diakui: Kita ini pengemis. Dan Dia ialah Raja yang menjadi orang miskin. "The Prince and the

Pauper" karya Mark Twain ialah kisah yang cemerlang tentang putera raja Edward, yang menukar pakaiannya dengan pakaian budak pengemis Tom. Kerana satu kesilapan dia disangka Tom, lalu menjalani kehidupan seorang pengemis. Satu perbandingan yang lemah, tetapi tetap tepat. Yesus meninggalkan kemuliaan syurgawi, sinar kemegahan yang kekal. Dia tidak berpaut padanya. Dengan rela Dia melepaskan semua itu untuk sampai kepada kita. Supaya kita melihat dan mendengar dari dekat betapa sungguh-sungguh maksud-Nya. Kekayaan kita ialah matlamat-Nya.

Sekarang Dia kembali berada di tempat asal-Nya. Segala yang dimiliki-Nya diterima-Nya kembali. Kini sebagai manusia. Supaya Dia dapat berkongsi semuanya dengan manusia. Kekayaan-Nya ialah kemuliaan-Nya sendiri, kemuliaan TUHAN (dalam bahasa Jerman *HERRlichkeit*). Juga kekudusan-Nya. Nabi Yesaya mendapat satu penglihatan yang membuatnya gementar. Dia melihat Tuhan duduk di atas takhta yang tinggi dan agung. Malaikat-malaikat mengelilingi-Nya dan melayani-Nya. Malaikat-malaikat itu berseru tentang Dia yang duduk di atas takhta: *Kudus! Kudus! Kudus!* Yesaya begitu ketakutan sehingga dia berkata: *Celakalah aku, aku seorang manusia yang berdosa.* Kerana mataku telah melihat apa yang sebenarnya tidak dapat dilihat: *Kerana mataku telah melihat Raja, TUHAN Yang Maha Kuasa.*

Raja Mesias itu seperti anak domba. Tetapi pada masa yang sama juga seperti singa. Kemuliaan-Nya liar, tidak dijinakkan dan menggerunkan, tetapi pada masa yang sama penuh kasih, lemah lembut dan ramah. Allah dan Kristus-Nya tetap juga menjadi misteri bagi kita. Dia lebih besar daripada yang dapat kita fikirkan. Kita tidak perlu takut. Tetapi hormat dan gentar, ya. Dosa-dosa Yesaya diampunkan. Apabila Yesus menyucikan kita dengan darah-Nya, kita dapat hidup dalam terang-Nya. Kasih yang sempurna mengusir ketakutan.

Kekayaan-Nya ialah kekayaan kita. Dia bukan sahaja murah hati, Dia boros apabila berkaitan dengan orang-orang-Nya. Marilah kita bangkit dan mengenali kekayaan ini. Alangkah agungnya Raja yang tidak memungut cukai, tetapi menghadiahi semua penduduk kerajaan-Nya!

*Tuhan, tiada sesiapa yang sama seperti Engkau! Engkau perkasa dan terkenal kerana kekuatan-Mu. Siapakah yang tidak mahu takut dan menghormati Engkau, ya Raja segala bangsa? Itulah hak-Mu, kerana di antara semua orang bijak dan raja di dunia, tiada seorang pun yang dapat menandingi Engkau.*

Yeremia 10:6-7

Mazmur 50:10; Ibrani 1:2; 13:8; 2 Korintus 8:9; Yesaya 6:1-7; Yohanes 17:22; Efesus 2:6-7.

## 24 Raja kita: Pengantara dan Pembela

Seorang raja dianggap sebagai pengantara antara dewa-dewa dan manusia. Begitulah pandangan dunia dan kepercayaan pada zaman purba. Peranannya sebagai pengantara dinyatakan dalam fungsinya sebagai imam yang berpangkat paling tinggi. Tentang Augustus dan Injilnya sudah kita dengar. Dialah maharaja pertama yang mengambil gelaran Pontifex maximus dan dengan itu, sebagai maharaja, menjadikan dirinya juga ketua agama.

Gelaran Pontifex maximus pada asalnya menunjukkan penjaga tertinggi pemujaan dewa-dewa Rom purba, lalu kemudian beralih kepada maharaja-maharaja Rom. Politik dan agama pada zaman itu berkait rapat. Demikianlah, sejak Nimrod di Babel sampai kepada Firaun-firaun di Mesir, agama dan politik berada dalam satu tangan.

Pontifex bermaksud *pembina jambatan*. Dia menjaga hubungan dengan alam dewa-dewa.

Semua fungsi dan jawatan kehormatan ini bersatu secara sempurna dalam diri Yesus, Sang Kristus. Dia bukan sahaja pengakhiran pelayanan imam keturunan Harun dalam Perjanjian Lama. Dialah pengakhiran setiap pemujaan dewa-dewa dengan pelayanan imam dan korbannya, seperti yang lazim di kalangan orang Rom dan bangsa-bangsa lain dan menjadi kepercayaan yang ada di mana-mana dan dalam kehidupan sehari-hari.

Kristuslah yang telah membawa umat-Nya kepada Allah. Dialah yang di hadapan Allah, sebagai Imam Besar, atau jika mahu dikatakan begitu, sebagai Pontifex maximus, memohon bagi umat-Nya. Dia membela kita dan memohon berkat dan pertolongan Allah bagi kita. Dia keluar sebagai Imam diraja dari tempat kudus syurgawi kepada umat-Nya dan membawa berkat kepada kita.

Dia memohon bagi kita seperti tiada orang lain yang dapat. Dia memahami kita, mengenal hati dan perasaan kita, tahu apa yang kita perlukan, dan membawa kita dengan semua itu ke takhta Yang Maha Tinggi. Kerana itu kita berada di tangan yang paling baik di sisi-Nya. Dialah Pengantara antara Allah dan manusia. Dialah yang telah memulihkan hubungan dengan Allah dan mewujudkan damai melalui darah-Nya, yang dicurahkan di kayu salib.

Kerana Yesus tidak berasal daripada suku Lewi dan tidak termasuk dalam keluarga Harun, tetapi lahir daripada suku diraja Yehuda, Allah telah menetapkan satu peraturan keimaman yang baru. Peraturan itu telah disediakan atau dimungkinkan-Nya lama sebelum keimaman keturunan Harun. Sekarang Kristus ialah Imam menurut peraturan *Melkisedek*. Melkisedek hidup pada zaman Abraham dan bertemu dengannya, bapa orang beriman. Dia raja Salem dan imam Yang Maha Tinggi. Jadi raja dan imam dalam satu peribadi. Dalam "fungsi berganda" ini dia menjadi gambaran awal tentang Tuhan Yesus Kristus. Tuhan Yesus telah dilantik oleh Allah sebagai Imam dan Raja untuk selama-lamanya.

*Tetapi kerana Dia kekal untuk selama-lamanya, Dia memegang keimaman yang tidak dapat binasa. Kerana itu Dia juga mampu menyelamatkan dengan sepenuhnya mereka yang datang ke hadirat Allah melalui Dia. Kerana Dia hidup untuk selama-lamanya dan kerana itu sentiasa membela mereka.*

Ibrani 7:24-25

1 Petrus 3:18; Ibrani 2:17; 4:14-16; 5:5-10; 7:25; 8:6; 9:15; 12:24; Roma 8:34; 1 Timotius 2:5; Kejadian 14; Mazmur 110:4.

*(Lagu dalam versi asal bahasa Jerman)*
*Heilig, Heilig, das Lamm Gottes*
*Das geopfert ist*
*Lob und Ehre, sei Dir dem König*
*Auf dem Gnadenthron*
*Die ganze Schöpfung singt und*
*Preist dich, den König*
*Du bist mir alles Herr*
*Und ich will dich ehren*
Teks: Anja Lehmann

## 25 Kebijaksanaan Raja

Bagi sebuah bangsa, rajanya ialah manusia yang paling bijaksana. Walaupun itu hanya khabar angin. Seorang raja juga hakim tertinggi bagi rakyatnya. Dialah yang mempunyai kata putus. Keputusannya membawa akibat bagi manusia, kerana itu keputusan itu harus benar dan adil.

Lama dahulu dua orang wanita berdiri di hadapan Raja Salomo. Mereka bertengkar tentang seorang bayi yang baru lahir. Masing-masing telah melahirkan seorang anak. Seorang anak mati. Ibu anak yang mati itu diam-diam menukar anak yang mati dengan anak yang hidup. Ibu yang ditipu itu segera menyedarinya. Tetapi bagaimanakah dia dapat membuktikan penipuan itu, tanpa ujian genetik? Bagaimanakah Salomo harus memutuskan, sedangkan dia tidak ada di situ dan tiada saksi? Salomo mengambil pedang untuk memotong bayi itu menjadi dua bahagian. Separuh bagi setiap wanita. Daripada reaksi wanita-wanita itu dia tahu siapa ibu yang sebenar. Ibu yang sebenar mahu bayi itu tidak dibunuh, walaupun penipu itu yang akan mendapat anak itu. Tetapi wanita yang satu lagi tidak peduli jika anak itu dibunuh. Kebijaksanaan yang menakjubkan. Salomo tidak meminta kekayaan dan kuasa daripada Allah, tetapi kebijaksanaan. Kebijaksanaan itu dikurniakan kepadanya. Dari dekat dan jauh orang datang untuk meminta nasihatnya.

Yesus pernah mengatakan sesuatu yang hampir terlepas pandang: "Kerana dia – ratu negeri Syeba – datang dari hujung bumi untuk mendengar kebijaksanaan Salomo – dan di sini ada seorang yang *lebih besar daripada Salomo!*" Yesus mengagumkan orang dengan kebijaksanaan-Nya. Apabila Dia berbicara dan berkhutbah, terbukalah satu dunia yang lain. Berbeza dengan dunia ahli-ahli Taurat. Roh kebijaksanaan berbicara melalui Dia. Kebijaksanaan-Nya berasal dari syurga, murni, untuk orang biasa. Tidak terlalu tinggi sehingga melintas di atas kepala orang. Kata-kata-Nya seperti air mata air yang paling jernih. Menyegarkan, menghidupkan, menyucikan.

Dalam diri Kristus, Raja Mesias, kita bertemu dengan kebijaksanaan Allah. Kebijaksanaan itu sibuk dengan kita manusia, kerana kita berada dalam krisis tanpa jalan keluar. Kebijaksanaan-Nya memelihara kita. Dan memimpin kita kepada kebebasan. Satu eksodus yang sejati. Raja itu memimpin kita keluar. Dia

tahu jalannya. Di dalam Dia, kata Rasul Paulus, tersembunyi segala harta kebijaksanaan dan pengetahuan. Berada bersama-Nya, mendengar Dia, ialah keputusan yang paling baik yang dapat dibuat oleh seseorang.

Kebijaksanaan ialah kemampuan untuk menerapkan pengetahuan dan pengalaman dalam kehidupan sehari-hari dan membuat keputusan yang baik. Keputusan yang baik bagi semua orang. Yang mempunyai masa depan. Walaupun pada hari ini keputusan itu mungkin bermakna pemotongan dan pengorbanan yang menyakitkan.

Kita mengharapkan kebijaksanaan bagi ahli-ahli politik. Kita memberkati mereka dengan kebijaksanaan dalam nama Raja kita. Tugas mereka lebih merupakan cabaran daripada keistimewaan. Siapakah yang mempunyai penyelesaian terbaik, siapakah yang mempunyai jawapan yang diperlukan oleh para pemerintah untuk memimpin sebuah negara melalui masa-masa sukar? Bagi ahli-ahli politik kita pun syurga terbuka untuk mengulangi permohonan Salomo.

Sesiapa yang merasakan bahawa dia kekurangan kebijaksanaan, hendaklah dia memintanya daripada Raja ini, Raja yang paling bijaksana sepanjang zaman! Dia berkata bahawa Dia dengan senang hati memberikannya kepada setiap orang yang memintanya. Tanpa menyalahkan. Kegagalan dan dosa yang kita sedari bukan alasan bagi-Nya untuk menahan kebijaksanaan.

Alangkah agungnya Raja yang membahagi-bahagikan kebijaksanaan-Nya dan tidak menyimpannya untuk diri-Nya sendiri! Marilah kita belajar daripada-Nya. Kebijaksanaan lebih daripada pengetahuan. Kebijaksanaan ialah hidup di sisi Raja. Dalam persekutuan dengan Dia yang disebut *Kebijaksanaan*, yang ada bersama Allah sebelum bumi wujud. Takut akan Tuhan ini ialah permulaan kebijaksanaan.

*Tetapi kebijaksanaan yang datang dari atas, pertama-tama murni dan jernih; kemudian cinta damai, ramah, mudah mengalah. Kebijaksanaan itu penuh belas kasihan dan menghasilkan banyak perbuatan baik. Kebijaksanaan itu tidak berprasangka dan tidak berpura-pura.*

Yakobus 3:17

1 Raja-raja 3:5-10; 16-28; 5; Lukas 11:31; Kolose 2:3; Markus 1:22; Amsal 1:7; 8:22-30; 1 Korintus 1:30; Yakobus 1:5; 3:13-17; Wahyu 5:12.

*(Lagu dalam versi asal bahasa Jerman)*

*EIN KÖNIG VOLLER PRACHT,*

*Voll Weisheit und voll Macht.*
*Die Schöpfung betet an, die Schöpfung betet an.*
*Er kleidet sich in Licht. Das Dunkel hält ihn nicht*
*Und flieht, sobald er spricht, und flieht, sobald er spricht.*
*So groß ist der Herr, sing mit mir.*
*So groß ist der Herr.*
*Ihn preisen wir.*
*So groß, so groß ist der Herr.*
*Von Anbeginn der Zeit bis in die Ewigkeit*
*Bleibt er derselbe Gott, bleibt er derselbe Gott.*
*Als Vater, Sohn und Geist, den alle Schöpfung preist,*
*Als Löwe und als Lamm, als Löwe und als Lamm*
Teks: Arne Kopfermann

## 26 Hukum diraja Yesus

Bagi orang Yunani purba, dan juga bagi orang Yahudi, raja yang baik ialah raja yang membuat hukum-hukum yang baik. Dan juga mematuhinya sendiri. Jika Yesus seorang Raja, hukum-hukum apakah yang telah ditetapkan-Nya? Adakah Dia seorang pembuat hukum? Yesus mengejutkan orang Yahudi sezaman-Nya ketika Dia mengatakan perkara berikut dalam apa yang disebut Khutbah di Bukit:

> *"Kamu telah mendengar bahawa dikatakan: Kasihilah sesamamu dan bencilah musuhmu. Tetapi Aku berkata kepada kamu: Kasihilah musuh-musuhmu dan berdoalah bagi mereka yang menganiaya kamu, supaya kamu menjadi anak-anak Bapamu yang di syurga; kerana Dia menerbitkan matahari-Nya bagi orang jahat dan orang baik dan menurunkan hujan bagi orang benar dan orang yang tidak benar."*

Mengasihi orang Rom? Itu memalukan. Itu menterbalikkan segala-galanya. Memerintahkan supaya musuh dikasihi ialah satu perkara, tetapi menghidupinya ialah perkara yang lain. Kisah sengsara Yesus membuktikan bahawa Dia sendiri mematuhi perintah-Nya. Walaupun atas permintaan-Nya dua belas pasukan malaikat akan bersedia untuk menyelamatkan Yesus, Dia tidak mahu dibebaskan. Dia tidak melawan. Pada saat kematian-Nya di kayu salib, Dia berdoa bagi orang-orang yang menyeksa-Nya:

> *Bapa, ampunilah mereka, kerana mereka tidak tahu apa yang mereka lakukan.*

Raja Mesias ialah hukum yang menjelma. Dialah Logos, iaitu Firman Allah. Dalam Khutbah-Nya di Bukit, boleh dikatakan manifesto Kerajaan-Nya, Dia menunjukkan bahawa mengasihi musuh ialah hakikat Bapa syurgawi. Dan memang selalu begitu. Dia bukan sahaja menghidupi perintah kasih, tetapi juga perintah untuk *mengasihi musuh*. Bertindak seperti Dia ialah syarat untuk menjadi anak lelaki dan anak perempuan Bapa ini. Anak yang tunggal, wakil pemerintah Allah, menjelmakan hakikat Bapa-Nya ini. Kasih ialah degup jantung Kerajaan Bapa, yang mengasihi Anak-Nya. Dan yang menjadikan kasih ini ukuran Kerajaan-Nya.

Sebagai Raja, Yesus memberikan kepada umat-Nya satu perintah baru, yang Dia sendiri hidupi sebagai teladan:

> *"Satu perintah baru Aku berikan kepada kamu, supaya kamu saling mengasihi; sama seperti Aku telah mengasihi kamu, demikian juga kamu harus saling mengasihi."*

Yakobus, saudara kandung Yesus, telah memahaminya dan menulis:

> *Jika kamu benar-benar mematuhi hukum diraja menurut Kitab Suci: "Kasihilah sesamamu seperti dirimu sendiri", kamu berbuat baik.*

Raja ini sepenuhnya ialah apa yang dikatakan dan dituntut-Nya. Bukan perintah sewenang-wenangnya, hanya untuk menunjukkan hak-Nya sebagai pembuat hukum. Perintah-Nya ialah kasih tanpa syarat, yang dapat mengatasi permusuhan dan mengubah manusia seperti tiada perkara lain.

Dalam Kerajaan-Nya, hukum-Nya berlaku. Sentiasa. Di mana hukum itu tidak dipatuhi, di situ Kerajaan-Nya tidak ada. Dan sesiapa yang tidak mematuhi perintah ini, tidak termasuk dalam Kerajaan ini.

Hukum Kristus, Raja Mesias, bermaksud menanggung beban orang lain. Itulah hukum kebebasan. Jadi hukum yang membebaskan. Daripada diri kita sendiri. Dan mungkin membebaskan sesama kita daripada bebannya. Sama seperti Raja itu telah melakukannya dengan beban kita, yang diangkat-Nya daripada kita.

Siapakah yang tidak mahu mempunyai Raja seperti itu?

*Jadi, jika kamu benar-benar berpegang pada hukum diraja seperti yang tertulis dalam Kitab Suci: "Kasihilah sesamamu seperti dirimu sendiri!", maka kamu berbuat baik dan betul.*

Yakobus 2:8

Matius 5:43-48; 26:53; Lukas 23:34; Yohanes 1:1-3; Kolose 1:13; Yohanes 13:34; Yakobus 1:25; 2:8, 12; Galatia 6:2.

# 27 Amanat Raja

Seorang raja menyatakan keinginan yang difahami sebagai perintah. Dia memberikan tugas kepada rakyatnya. Mereka melaksanakan sebaik mungkin apa yang dituntutnya. Ketika Yesus naik ke syurga, Dia memberikan satu amanat kepada para pengikut-Nya:

> *"Apabila melihat Dia, mereka (para pengikut) sujud di hadapan-Nya; tetapi ada beberapa orang yang masih ragu-ragu. Yesus datang kepada mereka dan berkata:*
> *Segala kuasa di syurga dan di bumi telah diberikan kepada-Ku.*
> *Kerana itu pergilah kepada semua bangsa dan jadikanlah manusia pengikut-Ku; baptislah mereka dalam nama Bapa, Anak dan Roh Kudus dan ajarlah mereka mematuhi segala yang telah Aku perintahkan kepada kamu.*
> *Dan ketahuilah dengan pasti: Aku menyertai kamu setiap hari, sampai akhir zaman."*

Sesungguhnya di sini berdiri Raja syurga dan bumi – siapa lagi yang mempunyai segala autoriti, bukan sahaja di bumi, tetapi juga di syurga? Tetapi kuasa ini tidak digunakan-Nya untuk menaklukkan raja-raja dan bangsa-bangsa di bumi. Tidak, Dia yang mengeluarkan perintah untuk mengasihi musuh mahu *memenangi* manusia. Bukan memaksa. Dia menggunakan kuasa-Nya supaya semua bangsa mengenali siapa Dia dan bagaimana Dia.

Akhirnya, kuasa dan autoriti-Nya meliputi segala-galanya dan nyata. Raja ini dapat menamatkan sejarah planet ini pada bila-bila hari. Dia dapat membuat dunia melihat dan merasakan kuasa dan pemerintahan-Nya. Diktator-diktator berbuat begitu. Pemerintahan-Nya berbeza. Hukum-Nya ialah hukum kebebasan. Manusia patut mengikut Yesus dan menghormati-Nya kerana keyakinan.

Impian Raja itu ialah supaya semua manusia mengenali Dia dan menjadi pengikut-Nya. Untuk menganugerahkan kepada mereka apa yang tidak dapat mereka peroleh di tempat lain: kasih kurnia, pengampunan, hidup kekal, kebebasan, ketenangan.

Bagaimanakah manusia dapat mengenali Raja ini, yang ada untuk mereka? Semua pengikut mempunyai keistimewaan untuk membawa manusia kepada

Raja ini. Marilah kita membayangkannya secara harfiah. Di satu pihak, mendapat perkenan Raja alam semesta, mengenal Dia secara peribadi, malah secara akrab, 24/7, sentiasa dan tanpa henti dapat menghadap Dia. Dan boleh membawa bersama semua orang yang bertanya tentang hal itu atau mengetahuinya melalui kita. Membawa mereka kepada Raja! Dan mengetahui bahawa mereka semua lebih daripada dialu-alukan di sisi-Nya. Kerana Dia sedang menunggu setiap orang.

Namun juga: Bagaimanakah Raja Mesias Yesus ini sekarang menuntut dunia sebagai milik-Nya? Dengan mengutus duta-duta dengan berita baik ke dalam dunia. Mereka memberitakan Raja yang sejati dan dengan itu ketaatan iman. Demikianlah Injil juga seperti satu perintah yang dipatuhi. Beritanya jelas: Kepada maharaja duniawi dan perintah-perintahnya orang memberikan ketaatan. Kepada Tuhan Yesus, Tuhan segala tuan dan Raja segala raja, orang *taat*. Lebih daripada kepada maharaja, walaupun Yesus tidak kelihatan. Kerana itu istilah untuk kesetiaan dan ketaatan kita ialah "*ketaatan iman*".

Amanat itu telah dan masih terus dilaksanakan. Amanat itu kini berada dalam tahap akhir: Ramai orang telah mendengar tentang Raja ini. Terima kasih kepada ramai orang yang tanpa memikirkan diri sendiri pergi ke daerah-daerah yang paling jauh untuk memperkenalkan Raja itu. Semuanya bermula dengan kecil. Keberanian para pengikut telah mengubah dunia. Mereka tahu siapa yang berdiri di belakang mereka. Dan yang pada hari ini berdiri di belakang setiap pengikut Yesus dan setiap orang yang mengaku Yesus. Dia yang kepada-Nya segala kuasa telah diberikan.

Mereka tidak perlu takut kepada sesiapa pun. Kata putus, dalam hidup dan dalam mati, ada pada Raja itu.

Buku ini ialah satu jemputan untuk datang kepada Raja! Satu jemputan atau peringatan untuk mengaku Raja itu! Permulaan yang baru sentiasa mungkin pada Raja ini. Pengampunan, kasih kurnia dan kebebasan ialah hukum-hukum Kerajaan-Nya.

*Semua raja akan sujud di hadapannya, semua bangsa akan melayaninya.*

*Kerana dia akan menjadi penyelamat bagi orang yang memerlukan, yang berseru minta tolong, bagi manusia yang menderita dan tiada penolong.*

*Dia akan berbelas kasihan kepada orang yang lemah dan yang memerlukan, dan menjadi penyelamat nyawa bagi manusia yang dalam kesusahan.*

*Daripada penindasan dan kekerasan dia akan menebus mereka, kerana nyawa mereka berharga di matanya.*

*Hidup Raja!*

Mazmur 72:11-15

Matius 28:16-20; 1 Timotius 2:4-5; Roma 1:15; 5:2; 16:26; Efesus 2:18; 3:12; Kisah Rasul-rasul 17:30-31.

## 28 Demi Raja: iman dan kesetiaan

Satu penghormatan yang besar untuk melayani Raja ini. Untuk bersumpah setia kepada-Nya. Dia layak memiliki kita. Sebagai milik-Nya yang paling peribadi.

Kepada siapakah kita memberikan hidup kita? Kepada siapa atau kepada apakah kita setia, dengan penuh sedar atau tanpa menyedarinya? Berhala-berhala manakah yang menguasai kita? Milik siapakah kita? Apakah yang suci bagi kita? Kepada siapakah kita telah menyerahkan diri? Masa kita? Wang kita? Perhatian kita?

Media sosial? Facebook dan Instagram? Kesalehan agama? Nama baik? Kesombongan? Sukan? Sikap mementingkan diri? Makanan? Alkohol? Nikotin? Harta? Wang? Kuasa? Seks? Kejayaan? Kerjaya?

Persoalannya bukan sama ada perkara-perkara ini atau sebahagian daripadanya baik atau buruk, suci atau berdosa. Yang menentukan ialah peranan yang dimainkannya dalam hidup kita. Satu soalan bagi semua manusia. Bagi mereka yang melayani Raja atau cuba melayani-Nya. Atau yang hanya mengenal nama-Nya. Dan bagi mereka yang tidak mengenal Raja itu dan tidak tahu siapa Dia dan bagaimana Dia.

Seorang raja, kerana jawatannya, menuntut kesetiaan dan ketaatan. Iman yang hanya bersetuju atau menganggap sesuatu benar ialah iman yang mati. Iman seperti itu tidak mewujudkan hubungan dengan Raja. *Ketaatan iman ialah apa yang diserukan oleh Raja kepada kita.* Keinginan-Nya ialah perintah bagi kita. Jika kita mengikut Raja ini, hanya boleh sepenuhnya. Perkara yang separuh-separuh juga tidak berjalan dengan baik di sini.

Apa pun harga yang harus kita bayar untuk berdiri di pihak-Nya, pihak itu tetap pihak yang betul. Pihak Sang Pemenang, yang terlebih dahulu telah mempertaruhkan segala-galanya untuk kita. Kesetiaan kita ialah ucapan syukur. Penyerahan kita ialah kewajipan kita. Dengan rela dan tanpa paksaan. Seorang penderita kusta kembali kerana bersyukur, tetapi sepuluh orang telah disembuhkan. Hidup ini mempunyai masa depan yang terbaik. Pada hari ini hidup ini bermakna tidak mendapat kelebihan istimewa dalam kehidupan di dunia ini berbanding mereka yang mengabaikan Raja kita. Hidup tanpa Raja ini

mungkin lebih mudah dan lebih selesa. Kerana itu, kata Yesus, seseorang patut menghitung kosnya sebelum mengikut Dia.

Mengikut Dia, kata Yesus, bermakna memikul salibnya. Iaitu, menyerahkan diri kepada orang lain dan ada untuk mereka. Meletakkan orang lain, bukan diri saya, di tempat pertama dalam hidup. Menjadikan hidup Yesus sebagai teladan. Benar-benar mengasihi dan melayani.

Kehidupan sebagai pengikut ini sebenarnya sering naik dan turun. Tidak pernah sempurna. Bukan hanya keberhasilan dan kejayaan, tetapi juga kekalahan dan kekecewaan terhadap diri sendiri. Juga keraguan dan soalan yang tidak terjawab. Itulah hidup dengan iman. Bukan dengan melihat. Pada masa-masa tertentu, hal itu sangat mencabar.

Iman dan kesetiaan (bahasa Yunani: pistis, bahasa Latin: fides) dalam masyarakat Rom bermaksud kesetiaan yang timbal balik dan berterusan. Fides menyatukan masyarakat – komitmen dan kesetiaan, memberi dan menerima, kebolehpercayaan dan kesetiaan bersatu dalam perkataan ini. Yang paling utama ialah kesetiaan kepada maharaja, yang juga setia kepada rakyatnya. Kesetiaan kepada Yesus, Tuhan itu, ialah apa yang menjadikan seseorang Kristian.

Berbaloikah kesetiaan itu, dengan segala kesulitan, jerih payah, pengorbanan dan penganiayaan yang mungkin menyertainya? Yesus berkata bahawa dalam hidup seperti itu, sudah di sini, iaitu sebelum masa depan Allah bermula, ada sukacita dan berkat. Tetapi pada akhirnya hidup kekal sebagai ganjaran bagi segala jerih payah. Satu kehidupan bersama Raja yang indah tidak terkatakan, mendalam, aman, penuh makna dan kaya. Tidak lama lagi nyata dan kelihatan dalam Kerajaan-Nya yang kekal.

Lirik-lirik lagu yang dipetik berikut bukanlah nostalgia. Apatah lagi romantik. Lirik-lirik itu juga tidak menggambarkan seratus peratus realiti kehidupan para pengikut Yesus atau orang yang setia kepada Raja. Lirik-lirik itu lebih merupakan doa, harapan atau matlamat.

*(Lagu dalam versi asal bahasa Jerman)*

*Ein Leben gegeben für den Herrn der Welt*
*Ein Leben gegeben für das, was wirklich zählt*
*Ein Leben für Gott, für ihn allein, das soll mein Leben sein*
*Lukas Di Nunzio*



1 Korintus 6:12; 1 Yohanes 5:21; Lukas 16:13; Lukas 14:25-33; 17:11-19; Markus 10:28-31; Matius 25:21-26; Efesus 1:1; Kolose 1:7; 4:7; Wahyu 2:10, 13; 17:14.

*(Lagu dalam versi asal bahasa Jerman)*

*Für den König, für den Herrn*
*Für ihn geben wir uns hin*
*Seine Ehre unser Ziel*
*Nichts bedeutet uns jemals so viel*
*Für den König, für sein Reich*
*Alle Menschen sind hier gleich*
*Lamm und Löwe sind vereint*
*Und das Licht der Gerechtigkeit scheint*
*Alle Ehre König Jesus*
*Unsere Herzen, sie fliegen dir zu*
*Wir erheben deinen Namen*
*Der allein wahre König bist du*
*Albert Frey*

## 29 Raja dan umat-Nya

Daripada seorang raja yang baik pada zaman purba diharapkan bahawa dia mendamaikan bangsa-bangsa dan suku-suku. Bahawa dia menyatukan kerajaannya dan memimpinnya seperti seorang gembala yang baik. Bahawa dia memperlakukan rakyatnya dengan baik hati. Raja yang baik menjelmakan semua kebajikan yang dianggap patut dikejar. Walaupun hal itu tidak sesuai dengan realiti kehidupan.

Yesus, Raja Mesias, telah dilantik oleh Allah menjadi Kepala alam semesta. Sebagai Kepala diraja atas segala sesuatu dan setiap orang, Dia membawa kepada kosmos yang hancur penyembuhan dan pemulihan yang telah lama dirindukan. Di bawah Dia sebagai Kepala, segala sesuatu akan kembali ke tempatnya dan menjadi sihat. Dia menyatukan semula apa yang sepatutnya bersatu. Dia menyingkirkan kekacauan dan semua kuasa pemusnah. Di bawah "kepimpinan-Nya sebagai Kepala" yang diraja, segala sesuatu akan disatukan. Tetapi itu masih masa depan.

Tetapi: Sekarang pun Raja itu telah membawa damai. Dia, Raja Damai. Pada masa itu, pada zaman Yesus, Israel ialah bangsa yang mempunyai hak eksklusif atas janji-janji Allah. Tetapi Mesias yang telah bangkit mengutus para pengikut-Nya kepada semua bangsa. Semua manusia dijemput dan dialu-alukan. Bagi kita orang Eropah, ini berita baik. Pada zaman permulaan, menyatukan orang Yahudi dan bangsa-bangsa lain dengan hak yang sama bukanlah proses yang mudah. Tetapi Kristus telah membawa damai inilah dan menyatukan orang Yahudi yang percaya kepada Mesias dan bangsa-bangsa dari semua negeri di bumi. Mereka kini umat-Nya, yang di dalamnya sempadan-sempadan bangsa yang lama sudah tidak ada lagi. Disatukan menjadi *satu manusia baru*. Kristus, Sang Kepala, mewujudkan satu kesatuan sebagai ciptaan baru.

Penyatuan orang Yahudi atau orang Israel dengan orang-orang daripada bangsa-bangsa lain begitu erat, sehingga dapat dibandingkan dengan satu tubuh, dengan satu organisma. Kristus ialah Kepala, iaitu kepalanya, dan umat-Nya daripada semua manusia ialah tubuh-Nya, badan-Nya.

Orang Yahudi dan bangsa-bangsa lain kini bersama-sama menjadi warga Kerajaan-Nya. Dengan itu mereka seakan-akan mempunyai dua identiti. Di satu

pihak mereka tetap seperti sebelumnya. Warga negara mereka. Tetapi di samping itu mereka disatukan ke dalam tubuh Kristus. Mereka menjadi warga sebuah kerajaan yang lain, kerajaan syurgawi. Kerajaan yang kedua ini akan kekal untuk selama-lamanya.

Bangunan gereja disebut *basilika*, dan dengan itu dinyatakan bahawa bangunan itu ialah rumah pemerintah, rumah *basileus*, iaitu rumah raja. Daripada perkataan itulah basilika berasal. Tempat umat raja bertemu dengan Raja mereka membawa nama ini. Memang, untuk perhimpunan ini tidak diperlukan bangunan yang istimewa, atau bangunan sama sekali. Tetapi di mana bangunan seperti itu ada, bangunan itu ialah ungkapan penghormatan kepada Raja.

Pendamaian banyak bangsa dalam tubuh Kristus ialah peristiwa yang amat politik dengan skala kosmik. Apabila manusia daripada banyak bangsa dengan segala keunikan dan masa lalu mereka menguburkan permusuhan mereka di bawah salib Kristus, hal itu membawa kesan yang dapat dirasakan. Juga dalam masyarakat yang mereka diami. Di mana Raja damai memerintah, kekerasan, diskriminasi dan pertengkaran berhenti.

Apabila begitu banyak kaum berhimpun, hal itu sangat mencabar. Damai yang dibawa oleh Raja ini harus dijaga seperti biji mata. Menerima orang lain dan memandang serius mereka. Mengampuni dan menutupi dosa. Tidak menganggap diri terlalu penting, dengan kata lain: mengasihi sesama seperti diri sendiri ialah etos persekutuan baru Raja ini.

Satu hadiah yang tidak ternilai dan satu penghormatan untuk termasuk dalam umat Raja. Bukan sebarang raja. Raja kita, jika anda termasuk dalam umat ini, ialah Raja atas segala raja. Kita sebagai umat-Nya mempunyai keistimewaan yang luar biasa. Dapat menghadap tanpa henti di balai takhta Baginda. Raja di sisi kita. Dia bersama umat-Nya, bersama setiap orang. Masa depan-Nya ialah masa depan kita. Kekayaan-Nya ialah kekayaan kita. Kuasa-Nya telah diberikan-Nya kepada kita. Tetapi kuasa itu tidak dinyatakan dalam penguasaan dan autoriti, tetapi dalam kelemahan. Kuasa-Nya membuat kita mengalami dan melakukan apa yang hanya Dia dapat lakukan. Kuasa yang ada dalam diri Yesus, orang Nazaret itu, juga bekerja dalam diri kita.

*Kerana TUHAN ialah Hakim kita, TUHAN Pemimpin kita, TUHAN Raja kita. Dia akan menyelamatkan kita.*

Yesaya 33:22

Efesus 1:9-11; 2:11-22; 4:1-6; Yesaya 9:6; Galatia 3:28; Kolose 3:10-11; 1 Korintus 12; Wahyu 1:5; 19:16; 1 Timotius 6:15; Kisah Rasul-rasul 1:4-8.

## 30 Di meja Raja

Kisah daripada kehidupan Raja Daud ini bukan kisah biasa. Setelah kerajaannya teguh, dia mencari keturunan atau kaum keluarga Raja Saul yang telah mati, pendahulunya. Saul pernah memburu Daud dan cuba membunuhnya. Adakah Daud sekarang mahu membalas dendam? Seorang cucu Saul, anak Yonatan, yang bernama Mefiboset, ditemui. Dia cacat, lumpuh kedua-dua kakinya. Dia memerlukan pertolongan dan tidak dapat bergerak sendiri. Bayangkan, Daud menjemput lelaki ini ke mejanya. Bukan hanya sekali, tetapi setiap hari, seumur hidupnya, dia boleh makan bersama raja.

Itulah yang saya sebut kasih, malah kasih kepada musuh. Dan Mefiboset yang lumpuh itu menunjukkan betapa tidak berdayanya kita manusia. Datang kepada Allah hanya mungkin dengan pertolongan-Nya. Kita cacat, bukan secara jasmani, tetapi secara rohani. Kita tidak dapat datang sendiri, kita harus dipanggil. Kita terlalu terganggu, terlalu pandai, terlalu tidak percaya.

Yesus, Sang Kristus, menjemput kita ke meja-Nya. Dia suka memupuk persekutuan, berbual, menikmati, bergembira bersama-sama.

Anda mungkin pernah mendengar tentang *Perjamuan Kudus*. Tentang *Ekaristi* atau *pemecahan roti*. Raja itu telah menetapkan satu jamuan peringatan. Roti dan wain mengingatkan kita akan kematian Raja di kayu salib dan darah-Nya, yang dicurahkan-Nya untuk kita. Apabila kita merayakan jamuan peringatan ini, kita mengisytiharkan kematian Raja kita. Sampai Dia datang kembali, dalam keagungan diraja.

Walaupun kita tidak melihat Raja itu, Dia tetap hadir tanpa kelihatan. Di mana-mana sahaja orang-orang-Nya berkumpul dan menghormati-Nya, mengingati-Nya, bersyukur kepada-Nya dan memuji-Nya. Satu persekutuan yang bersatu padu daripada orang-orang yang setia kepada Raja, yang telah menyerahkan hati mereka kepada Yesus. Yang tidak dapat dihalang oleh apa-apa pun daripada mengasihi Raja ini dan setia kepada-Nya.

Meja Raja ini ialah perkara iman. Di sekelilingnya para pengikut Yesus berhimpun, selagi Raja itu berada dalam pengasingan. Mereka saling bertemu dan saling memberi semangat apabila mereka merayakan jamuan peringatan itu. Apabila masa antara ini sudah berlalu, Raja itu akan berpesta bersama orang-

orang-Nya. Bukan lagi dengan iman, tetapi dalam realiti yang kelihatan dan dapat disentuh.

*Di depan mata musuh-musuhku Engkau menyediakan hidangan bagiku; dengan meriah Engkau menyambut aku dan mengisi cawanku sampai melimpah.*

Mazmur 23:5

2 Samuel 4:4; 9; 2 Samuel 19:24-30; 21:7; Matius 26:26-30; Markus 14:22-26; Lukas 22:14-20; 1 Korintus 10:14-22; 11:20-34; Mazmur 23:5; Ibrani 13:10.

*(Lagu dalam versi asal bahasa Jerman)*

*Königlich strahlt Dein Licht*
*Du bist ewiglich*
*Niemand kommt Dir gleich*
*Sanftmütig führst Du mich*
*Hin zu Deinem Licht*
*Ich darf bei Dir sein*
*Sei Du der Mittelpunkt in meinem Leben*
*Der Mittelpunkt in meinem Herzen*
*Ich gehöre Dir*
*Sei Du der Mittelpunkt in meiner Schwäche*
*Der Mittelpunkt in meiner Stärke*
*Ich gehöre Dir*
*Ich will Dir nah sein*
*Ich werd Dir folgen*
*Mein ganzes Leben in Dir verliern*

Teks & muzik: Juri Friesen & Paula Friesen © 2012 Outbreakband

# 31 Taman Raja

Sungguh mengagumkan melihat foto udara New York City. Central Park bagaikan sebuah oasis hijau yang besar di tengah-tengah lautan bangunan pencakar langit. Panjangnya empat kilometer dan lebarnya hampir satu kilometer. Setiap kota besar mempunyai taman-tamannya. Rehat, ketenangan, tempat teduh, buah-buahan, kesegaran, keindahan warna-warni dan bau harum serta merayakan pesta, sehingga hari ini itulah lambang sebuah taman. Entah bagaimana, hal itu mengingatkan kita akan Firdaus. Ratu-ratu dan raja-raja mempunyai taman-taman mereka, yang satu lebih indah daripada yang lain.

Alkitab bermula dengan sebuah taman. Alkitab berakhir dengan sebuah kota. Tetapi di sana juga ada sesuatu seperti Central Park, sebuah taman kota seperti Firdaus.

Pada permulaan dikatakan bahawa Allah, Raja alam semesta, berjalan-jalan di taman pada waktu petang yang sejuk. Ternyata Dia menyukainya. Dia bergembira atas apa yang telah Dia sendiri ciptakan sebagai "Tukang Kebun ilahi" dan serahkan ke tangan manusia. Kepada merekalah pemeliharaan dan perlindungan taman itu diamanahkan.

Ribuan tahun kemudian Allah telah menjadi manusia. Menjelang akhir hidup-Nya, Yesus, diikuti oleh para pengikut-Nya, pergi ke sebuah taman yang bernama *Getsemani*. Sebuah kebun zaitun. Di sana Raja itu menarik diri untuk bergumul dalam doa. Dia tahu bahawa hukuman mati di kayu salib sedang menanti-Nya. Di taman ini kita menyaksikan bahawa sesuatu yang lebih dahsyat daripada seksaan jasmani di kayu salib sedang mendatangi-Nya. Persoalannya ialah memungkinkan sebuah Eden yang baru dan lebih baik, sebuah Firdaus yang baru bagi semua orang. Harganya tidak terhingga. Untuk itu dosa kita dan maut harus disingkirkan. Dia sendiri akan memikul dosa itu dan mati kerananya. Hal itu amat berat bagi-Nya, yang tidak berdosa. Dia mencari jalan lain. Tetapi tiada jalan lain. Di taman ini Dia kemudian ditangkap. Jalan penderitaan-Nya bermula. Jalan itu berakhir di kayu salib. Dan di dalam sebuah kubur.

Kubur ini juga terletak di sebuah taman. Maria Magdalena telah menyaksikan penyaliban dan bagaimana seorang lelaki kemudian menurunkan Dia dari salib dan membawa-Nya ke kubur batu yang berdekatan. Ke taman inilah Maria pergi

pada pagi-pagi buta hari Ahad. Seorang lelaki bertemu dengannya. Dia menyangka lelaki itu tukang kebun. Itulah "Tukang Kebun" dari Eden. Raja itu sudah kembali. Telah bangkit daripada kematian. Akan ada sebuah Firdaus Eden yang baru dan lebih baik. Didiami oleh saudara-saudara perempuan dan saudara-saudara lelaki Raja yang tidak terkira banyaknya. Itulah berita baik yang kini boleh disampaikan oleh Maria kepada para pengikut.

Sama seperti Central Park di New York, demikianlah akan ada sebuah taman Firdaus di Yerusalem Baru. Melalui kematian dan kebangkitan, satu ciptaan baru dalam dimensi yang baru telah menjadi mungkin. Ciptaan baru itu sudah bermula. Ciptaan itu akan disempurnakan di bumi yang baru, di Yerusalem Baru. Lambang keindahan, kesempurnaan. Di sana ada takhta Allah. Dari takhta itu akan memancar air kehidupan dan menyirami taman itu. Pokok kehidupan akan ada di sana dan menghasilkan buah yang berlimpah. Satu lambang bahawa di sana ada kehidupan dan penyembuhan. Dan segala dahaga, terutamanya dahaga jiwa, dipuaskan.

Tempat ini kelihatan tidak nyata. Tetapi berkali-kali Alkitab menjemput, malah seakan-akan berseru kepada pembaca, untuk turut serta dalam Dunia Baru Allah ini. Dengan percuma setiap orang boleh minum daripada air yang hidup ini. Itulah satu lagi gambaran tentang Injil, berita baik itu. Injil memberikan kehidupan yang kekal sampai selama-lamanya dan tidak perlu takut akan maut.

Satu perkara lagi. Alkitab berbicara tentang *buah* Roh. Yang dimaksudkan ialah perkara-perkara seperti: kasih, sukacita, damai, kesabaran, keramahan, kebaikan, kesetiaan, kelemahlembutan, penguasaan diri. Entah bagaimana, kita pada hari ini juga, orang Kristian, ialah taman Raja, tempat Dia mencari dan menuai buah-buah seperti itu. Buah-buah ini hampir tidak sesuai dengan sifat semula jadi kita. Kerana itu buah-buah itu juga disebut buah Roh. Dengan pertolongan Roh ilahi ini, buah-buah itu dapat bertumbuh.

Eden, permulaan, keadaan yang ideal, tetapi juga tempat Kejatuhan manusia dan keretakan. Getsemani, tempat Mesias menolak godaan untuk menyerah. Taman kubur, tempat maut dikalahkan melalui kebangkitan. Dan tempat Raja yang telah bangkit pertama-tama bertemu dengan seorang wanita dan mengamanahkan kepadanya berita yang terbaik untuk para pengikut-Nya. Taman kota di Yerusalem Baru: Allah telah mencapai matlamat-Nya, melalui Anak Domba. Di sanalah nanti kita berada di rumah – di tanah air yang kekal.

*Ketahuilah dengan pasti: Tuhan menghiburkan kota Sion, daripada runtuhan Dia membangunkannya semula. Negeri yang musnah dijadikan-Nya sebuah Firdaus; negeri itu akan berbunga dan subur seperti taman Eden. Sukacita dan sorak-sorai akan bergema di sana dan kamu akan menyanyikan lagu syukur kepada Allahmu.*

*Aku, Tuhan, akan memimpin kamu sentiasa dan di mana-mana, juga di tanah yang kering Aku akan mengenyangkan kamu dan memberikan kekuatan-Ku kepada kamu. Kamu akan seperti taman yang selalu cukup air, dan seperti mata air yang tidak pernah kering.*

*Kerana seperti benih bertunas dan bertumbuh dari tanah, demikianlah Tuhan, Allah yang perkasa, menumbuhkan kebahagiaan kita dan menambahkan kemasyhuran kita di antara semua bangsa.*

Yesaya 51:3; 58:11; 61:11

Kejadian 2:8 dan seterusnya; Wahyu 22:1-5; 22:17; Matius 26:36; Yohanes 19:41; 20:1-18; Galatia 5:16-26.

## 32 Yesus dan politik

Raja yang sebenar ialah raja yang menegakkan kuasa pemerintahannya sebagai raja. Yang membentuk negaranya, menggubal undang-undang, memungut cukai.

Jika Yesus seorang Raja, dan hal itu tidak diragukan, maka Dia mempunyai tuntutan politik. Maka Dia berhak menjalankan urusan masyarakat, pentadbiran dan perundangan menurut fikiran dan kehendak-Nya. Hal itu berlaku juga walaupun Kerajaan-Nya bukan dari dunia ini.

Di sana sini orang Kristian berusaha membawa prinsip-prinsip Kristian ke dalam politik. Memberikan pengaruh Kristian. Salah satu hasilnya ialah penghapusan perhambaan – satu kejayaan yang amat besar.

Ada raja-raja yang pergi ke dalam pengasingan. Atau terpaksa pergi. Kadang-kadang mereka masih berusaha memberikan pengaruh melalui pengikut-pengikut mereka yang setia. Serupa tetapi berbeza halnya dengan Yesus, Raja Mesias. Dia sendiri telah menarik diri, tidak hadir secara peribadi dan secara jasmani. Walaupun Bapa-Nya telah memberikan kepada-Nya segala kuasa, di syurga dan di bumi, Dia tidak menjalankan kuasa politik. Walaupun Dia dapat berbuat demikian, bila-bila masa Dia mahu. Tetapi hal itu memang tidak sesuai dengan hakikat diri-Nya, seperti yang kita kenal dalam kisah-kisah Injil. Kerajaan-Nya tidak seperti kerajaan dari dunia ini. Pemerintahan-Nya boleh dikatakan memerlukan dunia yang baru. Segala-galanya harus berubah. Wain baru dalam kantung kulit yang baru ...

Para pengikut-Nya dikumpulkan-Nya di bumi. Mereka mematuhi perintah-perintah diraja-Nya. Sekurang-kurangnya mereka berusaha berbuat demikian. Mereka tidak berjuang untuk mendapat kuasa politik. Tetapi di mana mungkin bagi mereka, mereka menggunakan pengaruh mereka. Untuk hak asasi manusia, kebebasan beragama dan kesamaan hak, mereka berdiri teguh dan menyuarakan pendapat mereka. Dalam lingkungan masyarakat dan politik yang kecil atau yang besar.

Tetapi tuntutan politik untuk memerintah, itu pasti ada pada Yesus. Dia akan mengambil tempat raja-raja, maharaja-maharaja, presiden-presiden dan diktator-diktator. Mereka akan pergi, Dia akan datang. Dan tetap tinggal.

Itulah tepatnya tema bab yang berikut.

## 33 Kedatangan semula Raja segala raja

Mungkin anda mengenal Aragorn daripada epik "The Lord of the Rings". Seorang perantau hutan. Bukan seorang bangsawan. Namanya bermaksud "Keberanian Diraja". Tanpa disangka oleh sesiapa, selepas kemenangan atas Sauron dia menjadi Raja Agung yang sah atas Arnor dan Gondor. "The Return of the King" ialah tajuk buku ketiga epik ini.

Mungkin Tolkien, pencipta saga ini, memikirkan apa yang terlintas dalam fikiran saya. Tentang tukang binaan dari Nazaret. Tentang seorang lelaki yang tidak menonjol dari dunia pembinaan, yang sepanjang hidupnya, sebagai anak sulung bersama bapa dan saudara-saudaranya, membaiki rumah atau membina rumah baru di kota-kota Galilea. Bukan pekerjaan yang mulia. Tanpa kedudukan. Tiga tahun terakhir hidup-Nya berbeza. Semua itu sudah kita lihat.

Orang di Israel mengingati Yesus sebagai pengkhutbah keliling atau rabi yang membuat mukjizat. Selepas kebangkitan-Nya, hanya para pengikut-Nya yang melihat Dia, bukan orang yang tidak mengikut Dia. Maka yang tinggal dalam ingatan ialah seorang yang disalibkan. Sejauh itu kebanyakan orang pada hari ini pun akan bersetuju.

Tetapi hal itu suatu hari nanti akan berubah dengan tiba-tiba. Sekali lagi segala-galanya dikatakan dengan tiga perkataan: *Dia akan datang kembali!* Dia akan kembali ke dalam dunia kita, ke planet kita. Satu peristiwa yang akan membuat dunia terhenti. Peristiwa ini digambarkan dalam Alkitab dengan kerap dan dengan kuat. Kata-kata tidak cukup untuk menggambarkannya sepenuhnya. Manusia akan terdiam. Dari Sydney sampai ke Rom, dari Beijing sampai ke Washington. Tirai yang menyelubungi dunia yang tidak kelihatan, alam akhirat, daripada kita akan terbuka. Pentas sudah tersedia untuk hari besar Tuhan Yesus Kristus.

Kerinduan bangsa-bangsa akan datang. Untuk kali kedua. Kini kelihatan oleh semua orang. Tiada perbahasan lagi. Tiada keraguan. Tiada ejekan. Saatnya sudah tiba. Sesetengah orang ragu-ragu sama ada mereka bermimpi. Ya, bagi sesetengah orang satu impian menjadi kenyataan. Bagi yang lain, bagi semua orang yang menyangkal Allah, yang membenci Kristus atau yang tidak peduli, hari itu lebih merupakan mimpi ngeri. Orang Kristian telah merindukan hari ini.

Harapan mereka menjadi kenyataan. Mulai saat itu dan untuk selama-lamanya, tiada manusia lagi yang berkuasa. Hanya Manusia yang satu ini, satu-satunya yang sempurna dan adil, mulai saat itu memegang pemerintahan yang berdaulat tanpa batas.



*Mengapakah* Raja itu datang kembali? Dia menepati janji-Nya sendiri! Doa Bapa Kami yang telah didoakan berbilion-bilion kali akhirnya dijawab: *Datanglah Kerajaan-Mu dan jadilah kehendak-Mu, di bumi seperti di syurga!*

Dia datang untuk menyempurnakan penebusan para pengikut Yesus. Demikian juga ciptaan yang telah diperas dan dianiaya merindukan hari ini. Ciptaan itu akan ditebus, penyembuhan akan dibawa oleh Raja itu.

Adakah Raja itu datang untuk membalas dendam? Untuk penyaliban-Nya? Kerana Dia ditolak oleh begitu ramai orang? Tidak, Yesus tidak akan menjadi "penyembelih Armagedon". Banyak gambaran dalam kitab Wahyu, kitab terakhir dalam Alkitab, ialah satu ironi, malah satu parodi, terhadap semua raja duniawi, terutamanya maharaja Rom pada masa itu. *Manusia* membalas dendam dengan cara mereka sendiri. Balas dendam itu tidak dapat memulihkan atau mengembalikan apa-apa. Balas dendam manusia semakin memuncak, hampir selalu mahu memusnahkan lebih banyak daripada kerugian yang dialami sendiri. Tentang kedatangan Yesus ini dikatakan bahawa hari itu ialah hari pembalasan.

Pembalasan Allah yang kudus dan adil. Yesus digambarkan secara kiasan sebagai Anak Domba yang telah disembelih dengan luka maut. Satu imbasan kembali kepada salib, kepada kematian-Nya untuk umat manusia. Dia, yang malah memerintahkan supaya musuh dikasihi dan supaya kita tidak membalas dendam sendiri, tidak akan datang untuk melakukan pertumpahan darah. Itu dilakukan oleh manusia terhadap diri mereka sendiri, sekiranya bangsa-bangsa menggunakan simpanan senjata mereka yang amat besar.

Kekerasan yang memaksa tidak akan diperlukan lagi di hadapan kemunculan-Nya. Di taman Getsemani, kata-kata-Nya, "*Akulah Dia*", sudah cukup dan semua askar jatuh ke tanah. Semua orang akan meletakkan senjata mereka pada hari-Nya yang besar. Senjata akan jatuh, juga kata-kata, perbuatan dan keyakinan. Untuk itu tidak perlu peperangan, kehadiran-Nya yang kelihatan akan melemahkan semua lutut.

*Bagaimanakah* Yesus akan datang kembali? Secara terbuka, kelihatan, tidak dapat tidak didengar, tidak dapat tidak dilihat, tiba-tiba, tidak dijangka, dramatik, menggerunkan, dengan kuasa yang besar, mulia dalam pancaran cahaya yang besar, dari syurga, di dalam awan, diiringi oleh malaikat-malaikat yang tidak terkira banyaknya. Allah sendiri datang dalam peribadi Anak-Nya Yesus, Sang Kristus.

Daya bayangan kita sampai ke batasnya. Peristiwa ini hampir tidak dapat difikirkan. Pergantian siang dan malam tidak penting lagi. Masa terhenti. Semua temu janji dan kewajipan kita sudah berakhir. Tiada sesiapa lagi yang menunggu kita. Setiap orang pada masa itu hanya akan tertumpu pada satu perkara, pada Raja itu dan pada apa yang akan dikatakan dan dilakukan-Nya.

*Untuk apakah* Yesus Kristus datang kembali? Setiap hari Ahad berjuta-juta orang Kristian mengucapkan Pengakuan Iman Rasuli yang sangat kuno tetapi masih relevan:

> *Dia naik ke syurga; Dia duduk di sebelah kanan Allah, Bapa Yang Maha Kuasa; dari sana Dia akan datang untuk menghakimi orang yang hidup dan orang yang mati.*

Bayangkan, semua orang mati, semua manusia yang pernah hidup, akan bangkit. Begitu banyak daya cipta yang dahsyat dinyatakan dalam kedatangan-Nya kembali.

Akhirnya soalan ini: *Bilakah* hal itu akan berlaku? Yesus dan para rasul telah berkata bahawa tiada manusia yang mengetahui waktunya. Dalam perumpamaan-perumpamaan Yesus telah menunjukkan bahawa hal itu mungkin mengambil masa yang sangat lama. Salah satu sebabnya ialah bahawa Injil Raja harus sampai kepada manusia di mana-mana. Hal itu mula digenapi.

Masa kedatangan-Nya digambarkan sebagai masa kesusahan dan kesengsaraan yang besar. Manusia akan kebingungan kerana ketakutan dan kerana menantikan apa yang akan menimpa bumi. Peristiwa-peristiwa yang luar biasa di langit akan menyertainya, sebelum kesudahan tiba.

Sama ada pada hari besar itu masih ada kesempatan untuk memohon pengampunan daripada Raja itu, tiada sesiapa yang dapat mengatakannya pada hari ini. Saya memikirkan mereka yang tidak pernah berminat akan Dia atau malah dengan sengaja menolak Dia. Bagi semua orang yang hidup pada hari ini, rayuan yang mendesak ini berlaku:

*Pada hari ini, jika kamu mendengar suara-Nya, janganlah keraskan hatimu.* Hari ini – bukan esok – ialah hari keselamatan.

Pada hari ini berjuta-juta orang menantikan hari yang mulia ini, yang malah sudah dinubuatkan dalam Perjanjian Lama. Matlamat hidup mereka yang sejati. Turutlah serta. Berdirilah di pihak mereka yang tahu bahawa Dia akan datang kembali. Walaupun tiada apa-apa yang menunjukkannya, Dia telah menjanjikannya!

*Kerana hari penghakiman Allah akan datang, sama tidak disangka-sangka seperti seorang pencuri. Pada hari itu langit akan lenyap dengan bunyi gemuruh yang dahsyat dan unsur-unsur alam akan terbakar, dan bumi serta segala yang pernah berlaku di atasnya tidak akan ditemui lagi.*

*Tetapi Allah telah menjanjikan kepada kita langit baru dan bumi baru. Di sana tidak akan ada lagi ketidakadilan, kerana kehendak Allah yang memerintah. Dunia baru inilah yang kita nantikan.*

2 Petrus 3:10, 13

Matius 24:27-30, 44; 26:64; Markus 13:26; 14:62; Lukas 17:24; Roma 8:18; 1 Tesalonika 1:10; 2:19; 3:13; 4:13-18; 5:1-11; 2 Tesalonika 1:6-10; 2:8-12; 2 Timotius 4:1, 8; Titus 2:13; 1 Petrus 1:7, 13; 4:13; Wahyu 1:7; 19:11-16.

## 34 Alangkah mulianya hari itu

*(Lagu dalam versi asal bahasa Jerman)*
*Einst, als im Himmel der strahlendste Tag war*
*Herrschte auf Erden die dunkelste Nacht*
*Da wurde Jesus als Mensch geboren*
*Er hat uns Gnade und Wahrheit gebracht*
*Das Wort wurde Fleisch und das Licht wohnte bei uns*
*Es scheint in der Nacht*

*Für uns geboren, für uns gestorben*
*Er nahm die Sünde der Welt mit ins Grab*
*Am dritten Tag ist er auferstanden*
*Einst wird er kommen, welch herrlicher Tag*
*Welch herrlicher Tag*

*Dann führten sie ihn hinauf um zu sterben*
*Ans Holz genagelt, das Kreuz aufgestellt*
*Der Mann der Schmerzen verachtet, verstoßen, er trug die Sünde*
*Der Heiland der Welt*
*Die heilenden Hände sind weit ausgebreitet für unsere Schuld*
*Am dritten Tag hielt das Grab ihn nicht länger*
*Weg war der Stein und die Grabkammer leer*
*Er ist auferstanden, den Tod überwunden*
*Er fuhr auf zum Himmel, der siegreiche Herr*
*Er gab neues Leben*
*Die Schuld ist vergeben, mein Retter ist er*
*Einst wird er kommen, welch herrlicher Tag*
*Welch herrlicher Tag, herrlicher Tag*
*Oh bald wird der Tag seiner Wiederkunft kommen*
*Bald werden wir ihn in Herrlichkeit sehen*
*Er wird die Seinen dann ganz zu sich nehmen*
*Staunend werd ich vor ihm stehen*

*Für uns geboren, für uns gestorben*

*Er nahm die Sünde der Welt mit ins Grab*
*Am dritten Tag ist er auferstanden*
*Einst wird er kommen, welch herrlicher Tag*
*Welch herrlicher Tag*
*Herrlicher Tag*
*Herrlicher Tag welch herrlicher Tag*

Albert Frey

## 35 Raja sebagai Hakim yang adil

Raja Mesias muncul. Sekarang Dia sudah ada. Setiap manusia tertanya-tanya apa yang akan berlaku seterusnya. Segala-galanya kelihatan tidak nyata. Hukum-hukum alam tidak berlaku lagi. Satu zaman baru sedang bermula, hal itu kini sudah jelas sepenuhnya bagi setiap orang.

Seolah-olah belum cukup bahawa garis sempadan antara dunia yang kelihatan dan alam syurgawi yang tidak kelihatan tiba-tiba telah lenyap, sesuatu yang tidak kurang dramatik berlaku. Orang mati bangkit. Semua manusia yang pernah mendiami planet ini, dari semua zaman, tiba-tiba ada di situ. Sama hidupnya seperti mereka yang tidak mati. Walaupun taraf sosial mereka sangat berbeza, kini mereka semua sama, maharaja, raja, pengasas agama dan rakyat biasa, askar-askar yang tidak terkira banyaknya, mangsa kapal karam, orang miskin dan yang paling miskin. Mereka yang mati kelaparan dan yang dibunuh, hamba dan orang merdeka. Kanak-kanak, kanak-kanak yang tidak terbayangkan banyaknya. Semua yang belum lahir, yang dibunuh dalam rahim ibu, ada di situ.

Hanya sedikit demi sedikit semua orang menyedari bahawa Allah yang baru sahaja datang dari syurga, Yesus, Sang Mesias, telah memanggil orang mati keluar dari kubur mereka dan dari mana-mana sahaja mereka bertaburan. Suara-Nya, yang lama dahulu memanggil bumi menjadi wujud, kini memanggil orang mati kepada kehidupan.

Waktu penghakiman telah tiba. Anak Allah, Yesus, telah diberi kuasa untuk menjalankan penghakiman ini. Seorang manusia yang mengenal kehidupan, godaan, pergumulan, penderitaan yang tidak adil. Semua orang akan dihimpunkan di hadapan-Nya. Setiap orang akan berdiri seorang diri di hadapan-Nya. Bukan urusan beramai-ramai, bukan perbicaraan ringkas. Setiap saat, setiap perbuatan, setiap fikiran, setiap motif dan setiap perkataan akan diperiksa. Setiap orang akan memandang hidupnya sendiri. Dan apa yang telah dilakukannya kepada orang lain. Dan merasakan apa yang dirasakan oleh mereka yang menjadi mangsa.

Bagaimana hal itu mungkin berlaku dengan begitu banyak manusia dan tahun-tahun hidup mereka, tiada sesiapa yang dapat mengatakannya. Syurga

tidak memerlukan cakera keras tempat segala-galanya disimpan. Di hadapan kita akan ada Dia Yang Maha Tahu. Yang mengenal fikiran dan perasaan kita.

Adakah hal itu menenangkan anda? Mengetahui segala-galanya tentang diri sendiri? Melihat atau malah mengalaminya sekali lagi?

Penghakiman ini mesti ada. Keadilan harus ditegakkan. Pelaku dan mangsa sama-sama memerlukan keadilan. Tiada mahkamah manusia yang dapat melakukannya. Kerana itu Penghakiman Terakhir, seperti yang sering disebut, juga merupakan bahagian yang tidak boleh tiada dalam harapan Kristian. Segala-galanya akan terbongkar. Segala-galanya akan dinilai menurut ukuran Allah dan diletakkan dalam keadaan yang benar. Apa yang telah dilakukan oleh setiap orang, oleh kumpulan-kumpulan, oleh bangsa-bangsa.

Yesus tidak akan dapat disogok. Dia tidak akan memandang muka. Apa yang dosa akan tetap dosa. Apa yang baik akan dipuji-Nya. Di hadapan Hakim ini manusia harus mengakui dosa mereka dan akan merasakannya dengan sedalam-dalamnya sebagai dosa. Dan menerima keputusan Hakim itu.

Hakim itu sendiri telah mati untuk dosa-dosa manusia. Dialah pendamaian bagi dosa-dosa kita. Bukan hanya bagi dosa kita, tetapi bagi dosa seluruh dunia. Dalam penghakiman ini Hakim itu tidak melawan kita, Dia memihak kepada kita. Kepada semua orang yang telah percaya. Walaupun begitu, satu perkara tidak akan diambil kira pada hari itu bagi mereka yang telah mendengar atau membaca Injil. Perbuatan baik kita sahaja – jika ada – tidak akan menyelamatkan kita. Jika kita berharap bahawa kita orang yang baik, maka ada satu masalah. Sesiapa yang bersandar pada hal itu, pada hidupnya yang baik, maka menurut ukuran Allah dia harus menunjukkan hidup yang *sempurna*. Sesiapa yang bersandar pada perintah-perintah Allah, harus mematuhi bukan hanya satu, tetapi semuanya. Namun begitu, perbuatan yang telah kita lakukan sangat bermakna, perbuatan itu akan memainkan peranan yang penting.

Tetapi apakah yang akan menolong di sana? Apakah yang penting?

Soalannya ialah bagaimana hubungan kita dengan Kristus, Sang Raja. Berkecuali tidak mungkin. Yesus sendiri menyimpulkannya dengan tepat: *Sesiapa yang tidak bersama-Ku, melawan Aku*. Dengan kata lain: Sekarang, bukan baru nanti, di sini dan hari ini harus dijelaskan siapa Yesus bagi kita. Raja ini merendahkan diri-Nya kepada kita dan menawarkan pengampunan. Jika seseorang mendengar tentang kasih kurnia yang ditunjukkan oleh Raja dan mengabaikannya, apakah yang hendak dikatakannya pada hari itu, apabila

segala-galanya dibentangkan? Apabila segala yang tidak adil, berdosa dan mementingkan diri dalam hidup kita berdiri di antara kita dan Raja itu?

Di sana juga akan ada manusia yang tidak pernah mendengar tentang Yesus dan yang hidup sebelum zaman-Nya. Bagaimana Yesus akan memperlakukan mereka, saya dapat serahkan dengan tenang kepada kasih kurnia dan keadilan ilahi-Nya. Tetapi mereka yang mendengar tentang Dia, tetapi menyangka bahawa semua itu tidak relevan atau hanya dongeng – bagi mereka kesudahannya tidak akan baik.

Betapa penuh kasih kurnia pun Raja ini, Dia tidak akan memaksa sesiapa pun untuk melayani-Nya. Apabila Alkitab berbicara tentang neraka, Alkitab berbicara tentangnya sebagai tempat di mana orang tidak perlu melayani Raja ini. Tetapi Raja itu memang bukan sebarang orang. Dialah Alfa dan Omega, Yang Awal dan Yang Akhir. Dialah pusat segala yang wujud. Segala yang wujud dengan baik. Terpisah daripada-Nya, kewujudan tidak akan pernah baik. Kerana itu, sesiapa yang dapat, biarlah dia membuat pilihannya hari ini.

*Kerana TUHAN ialah Hakim kita, TUHAN Pemimpin kita, TUHAN Raja kita. Dia akan menyelamatkan kita.*

Yesaya 33:22

*Pemerintahannya akan semakin besar, dan damai tidak berkesudahan di atas takhta Daud dan dalam kerajaannya; dia mendirikannya dengan teguh dan menopangnya dengan keadilan dan kebenaran, mulai sekarang untuk selama-lamanya. Hal ini akan dilaksanakan oleh semangat TUHAN Yang Maha Kuasa.*

Yesaya 9:7

Mazmur 36:6; 76:8; 89:14; Pengkhotbah 12:14; Yesaya 5:16; 9:7; Daniel 7:10, 22; Maleakhi 3:5; Matius 12:36; 25:31-46; Lukas 20:47; Yohanes 5:22-30; Roma 2:5; 14:10-12; 2 Tesalonika 2:12; Ibrani 9:27; 1 Petrus 4:17; Wahyu 20:11-15.

## 36 Pemerintahan Raja yang kekal

Yesus memerintah! Pada hal inilah semua pengikut Yesus menaruh harapan. Tetapi bagaimanakah rupa pemerintahan ini? Dunia dan perkembangannya, apa yang dilakukan oleh kerajaan-kerajaan, bagaimana mereka berhubungan satu sama lain, bagaimana orang Kristian dianiaya, semua itu berterusan. Adakah Dia sudah memerintah sekarang atau baru akan memerintah apabila Dia telah datang?

Campur tangan Allah dalam dunia kita dapat difahami dengan kata-kata *Sudah sekarang – tetapi belum.* Dengan kata lain: Keputusan sudah dibuat. Kemenangan di Golgota ialah D-Day, hari penentuan. Begitulah disebut hari ketika tentera Bersekutu mendarat di Normandy pada 6.6.1944. Itulah *permulaan kesudahan* Reich Ketiga. Penyelamatan Allah bagi manusia dan ciptaan telah diselesaikan oleh Yesus pada hari Jumaat Agung itu di Yerusalem. Itulah permulaan kesudahan dunia yang fana, terluka dan akan mati ini. Juga kesudahan kuasa-kuasa kegelapan yang memusuhi kehidupan. Masih kuasa-kuasa gelap, malaikat-malaikat yang jatuh dan roh-roh jahat, menyesatkan dan memperhambakan manusia dan menghalang keselamatan mereka di mana sahaja mereka dapat.

Penebusan akan berlaku sepenuhnya pada manusia dan ciptaan apabila Kristus datang kembali. Sekarang kita masih hidup dalam masa antara. Antara D-Day dan V-Day. Victory Day, hari kemenangan, akan tiba apabila segala permusuhan telah dikalahkan. Apabila kemenangan Allah menjadi kata putus.

Yesus, Raja Mesias, kini memerintah dalam umat-Nya. Kuasa atas semua manusia pun ada pada-Nya. Atas politik dunia. Tetapi matlamat-Nya bukanlah mengambil alih pemerintahan atas dunia *seperti keadaannya sekarang*. Dia mahu memenangi manusia yang mengenali dan mengakui Dia.

Dengan kedatangan-Nya yang kelihatan oleh semua manusia, pemerintahan dunia yang baru bermula. Turut serta ialah semua orang yang menghormati-Nya dan bersedia untuk pemerintahan-Nya. Semua empayar dunia akan berlalu, kerajaan-Nya tetap untuk selama-lamanya. Satu dunia baru, satu zaman baru bermula apabila Dia datang. Sama ada akan ada satu proses pemulihan, atau satu

pertukaran yang radikal dan singkat daripada yang lama kepada yang baru, kita belum tahu.

Janji-janji yang penuh harapan, yang telah memberikan semangat kepada manusia pada hari-hari yang gelap, akan digenapi:

> *"Kerana seorang anak telah lahir, raja yang akan datang telah dikurniakan kepada kita! Dan inilah nama-nama kehormatan yang diberikan kepadanya: Pemerintah yang bijaksana, Pahlawan yang perkasa, Bapa yang kekal, Raja Damai.*
> *Kuasanya akan meluas jauh dan damai yang berkekalan akan datang. Dia akan memerintah di atas takhta Daud dan pemerintahannya akan kekal untuk selama-lamanya, kerana dia berpegang pada ketetapan-ketetapan hukum Allah. Tuhan, Penguasa dunia, telah memutuskannya demikian dan akan melaksanakannya."*

Takhta Daud sudah diduduki semula! Dengan pembuangan ke Babilon, penggantian raja telah berakhir. Tiada takhta dan tiada raja di Israel. Tetapi ada janji ini kepada Raja Daud:

> *"Aku akan membangkitkan keturunanmu sesudah engkau, yang akan lahir daripada tubuhmu sendiri, dan Aku akan meneguhkan kerajaannya. Dialah yang akan mendirikan rumah bagi nama-Ku; dan Aku akan meneguhkan takhta kerajaannya untuk selama-lamanya. Aku akan menjadi Bapanya, dan dia akan menjadi anak-Ku!"*

Bagi kedua belas orang itu, para rasul, dengan kenaikan Mesias ke syurga menjadi jelas bahawa sekarang *takhta Daud* telah diduduki oleh Yesus, Penguasa yang kekal. Dia telah dilantik oleh Allah menjadi Tuhan dan Kristus. Perjanjian Allah dengan Daud telah digenapi. Bagi Israel. Segala-galanya masih berlaku di Yerusalem dan Israel. Berkat-berkat yang pasti yang dijanjikan kepada Daud ialah harapan yang sah bagi bangsa ini. Tetapi sesuatu yang menakjubkan berlaku. Takhta Daud kini tidak lagi berada di Yerusalem duniawi. Takhta itu berada di pusat segala yang wujud, di sisi Allah. Kerajaan itu bukan lagi kerajaan *duniawi* dalam sempadan sebuah empayar besar Israel. Para rasul, termasuk Paulus, menyedari bahawa yang dimaksudkan ialah sebuah Kerajaan *syurgawi*. Sebuah Kerajaan yang bukan hanya bagi Israel, tetapi bagi seluruh dunia.

Mula-mula datang yang duniawi, kemudian yang syurgawi. Yang kedua lebih besar dan lebih mulia. Sebuah Yerusalem syurgawi di atas bumi yang baru akan menjadi tanah air semua orang yang percaya. Itulah lambang pemerintahan Raja

Yesus yang kekal, Anak Daud. Di sini lingkaran itu tertutup dalam penggenapan janji kepada Daud yang tidak disangka-sangka dan berbeza sama sekali.

Pemerintahan Yesus sebagai Raja atas seluruh alam ini, dengan dimensinya yang tidak terbayangkan, belum dapat kita lihat atau alami. Tetapi suatu hari nanti saatnya akan tiba. Apabila waktu-Nya telah tiba. Jadi apa yang sudah kita kenali sekarang dengan iman, dengan mata hati, ialah ini: Yesus, yang dalam kehidupan di dunia hidup sebagai manusia dalam kerendahan. Yang telah menderita kematian untuk semua orang dan merasai seluruh kepahitan kematian yang ganas sebagai korban bagi dosa kita. Untuk kita semua. Supaya dengan itu kasih kurnia Allah memberi manfaat kepada seluruh ciptaan. Dan kerana itu, kerana Dia melakukan apa yang mustahil, membiarkan diri-Nya disalibkan dan mati, kini Dia berpakaian kemuliaan dan hormat Allah, malah dimahkotai dengan karangan kemenangan kemuliaan.

Dengan Anak Daud ini, perhitungan masa yang lama telah berakhir. Kita mengikut Raja kita ke dalam Kerajaan-Nya yang kekal, di mana pengembaraan-pengembaraan baru sedang menanti kita.

*Dia memberikan kepadanya kuasa, kehormatan dan pemerintahan, dan manusia daripada semua bangsa, suku bangsa dan bahasa tunduk kepadanya. Kuasanya kekal dan tidak akan binasa, pemerintahannya tidak akan pernah berakhir.*

Daniel 7:14

*Kemudian Tuhan akan menjadi Raja atas semua bangsa di bumi. Hanya Dia yang akan menjadi Allah pada hari itu, hanya kepada-Nya bangsa-bangsa akan berdoa.*

Zakharia 14:9

*Dan terdengarlah suara-suara yang kuat di syurga, yang berseru: Pemerintahan atas dunia kini sepenuhnya milik Tuhan kita dan Mesias-Nya, dan Dia akan memerintah untuk selama-lamanya!*

Wahyu 11:15

Mazmur 22:28; 45:6; 145:12-13; Yesaya 9:7; Daniel 2:44; 4:3; 7:27; Matius 6:10; 25:34; Lukas 1:33; Kisah Rasul-rasul 2:30; Roma 14:9; 1 Korintus 15:24; Efesus 5:5; 1 Tesalonika 2:12; 2 Timotius 4:1, 18; Wahyu 11:15; 12:10; 22:5.

# 37 Kasih kurnia dan pemberian Raja

Perkataan kasih kurnia hampir tidak digunakan dalam bahasa harian kita. Kita dan sistem undang-undang kita menuntut hak. Kasih kurnia bermakna tidak berkeras menuntut hak sendiri. Kita mahu memahami apakah makna kasih kurnia dan pemberian pada zaman purba, pada zaman Yesus dan para rasul.

Ada pelbagai perkataan untuk kasih kurnia dan pemberian. Tetapi istilah utama dalam Perjanjian Baru ialah perkataan Yunani *cháris*. Perkataan ini mempunyai makna yang luas: perkenan, kemurahan, niat baik dan pemeliharaan yang penuh rahmat, serta bukti perkenan dan pemeliharaan itu, misalnya perbuatan kasih kurnia atau, apabila kedua-dua perkataan itu digabungkan, *kurnia kasih*. Pemberian daripada para dermawan ialah perbuatan *cháris*.

Pada zaman purba, kasih kurnia atau pemberian mempunyai fungsi yang meresapi seluruh masyarakat dalam semua lapisan sosialnya. Pertukaran hadiah atau budi tidak pernah berlaku tanpa niat tersembunyi. Jika seseorang memerlukan wang untuk meluaskan perniagaannya, hal itu bukan sahaja menyebabkan dia membayar faedah. Sikap merendah diri seorang penaung mewujudkan kewajipan yang timbal balik tetapi tidak diucapkan. Setiap penerima kasih kurnia atau pemberian yang tidak berhak diterimanya dibawa ke dalam hubungan antara pemberi dan penerima. Mungkin penerima itu tidak pernah dapat membalas dengan pemberian yang sama nilainya, tetapi sekurang-kurangnya dia dapat memberikan undinya kepada pemberi itu apabila ada kesempatan. Ya, "sistem" kasih kurnia dan pemberian yang timbal balik itu sangat korup. Dengan hadiah orang membeli orang lain untuk kepentingannya. Dan semua orang tahu akan hal itu.

Sekali lagi untuk kita pada hari ini: Kasih kurnia ialah pemberian yang dapat dihadiahkan oleh seseorang dengan bebas. Tetapi penerimanya dengan itu memikul satu kewajipan. Hal itu diketahui oleh pemberi, dan dia kemudian dapat memikirkan bila-bila masa yang sesuai untuk menuntut balasan. Sejenis hubungan pergantungan terbentuk melalui kasih kurnia atau pemberian itu. Sedikit sebanyak keadaannya masih begitu pada hari ini. Apabila kita menerima hadiah, apatah lagi hadiah yang istimewa, kita akan membalasnya dengan hadiah

pada kesempatan yang berikutnya. Kita memang merasakan semacam kewajipan untuk berbuat demikian.

Marilah kita beralih kepada Yesus. Tentang Dia Paulus mengucapkan kata-kata yang tidak terselami ini:

> *Kamu tahu bagaimana kasih kurnia Yesus Kristus, Tuhan kita, telah dinyatakan: Dia yang kaya telah menjadi miskin, supaya kamu menjadi kaya melalui kemiskinan-Nya.*

Yesus, Raja alam semesta, yang memanggil segala sesuatu menjadi wujud, yang memiliki segala-galanya, melakukan dua perkara yang kontroversi: Dia memberi kepada *semua orang.* Tanpa membeza-bezakan. Dan Dia memberi dengan *kemurahan hati* yang melampau. Hal itu tidak sesuai dengan budaya pada masa itu. Juga tidak dengan budaya hari ini. Menjadi miskin sendiri dan memberikan segala-galanya, supaya orang lain menjadi kaya. Memberikannya kepada kita, itulah kasih kurnia. Tidak layak diterima. Kemiskinan kita menyentuh hati-Nya.

Makna kasih kurnia pada zaman purba juga bermakna pada Raja Yesus. Melalui pemberian-Nya, Dia mahu mewujudkan satu hubungan. Itulah tepatnya yang dinyatakan-Nya melalui kasih kurnia-Nya. Persekutuan tanpa paksaan. Satu persekutuan yang di dalamnya kita memberikan sesuatu kembali. Itu jauh lebih sedikit daripada apa yang telah kita terima. Tetapi hati kita, hidup kita patut menjadi milik-Nya. Undi kita patut diberikan kepada-Nya. Dalam dunia yang sebahagian besarnya masih menolak Dia.

Kurnia kasih-Nya membawa banyak perkara kepada kita. Dia mahu menjadikan kita kaya dan itulah yang telah berlaku. Inilah hanya sebahagian kecil daripada apa yang telah dikurniakan kepada kita dan kepada setiap orang yang menerima Raja ini: pengampunan, pembebasan daripada hukuman, penebusan, hidup kekal, pembebasan, pengudusan dan kebebasan.

Jawapan kita ialah bahawa kita tidak dapat berbuat lain selain menyerahkan hidup kita kepada-Nya. Membaktikannya kepada-Nya. Setiap hari dengan baharu.

Perkataan kurnia kasih dalam Perjanjian Baru, sekadar sebagai tambahan, digunakan untuk menggambarkan kebolehan-kebolehan dalam jemaat yang dikurniakan oleh Roh Kudus. Kurnia-kurnia luar biasa seperti mengajar, menyembuhkan, bernubuat dan berkata-kata dalam bahasa roh, membuat

mukjizat dan membezakan roh-roh. Semua itu dikurniakan supaya digunakan untuk Kerajaan Allah.

*Kerana kasih kurnia Allah yang menyelamatkan telah dinyatakan, dan kasih kurnia itu berlaku bagi semua manusia.*

Titus 2:11

Yohanes 1:14, 16-17; Roma 3:24; 5:15-16; 6:23; 12:1-3; 11:29; 1 Korintus 12:4-11; 2 Korintus 6:1; 8:9; Efesus 2:5; 2 Timotius 1:9; Titus 2:11; 3:7; Ibrani 2:9.

## 38 Pengantin perempuan Raja

Kepada siapakah Raja seperti ini, yang memiliki segala-galanya dan memerintah atas segala-galanya, menaruh minat? Apakah yang dapat memikat hati-Nya? Siapakah yang dapat memberikan sesuatu kepada-Nya? Apakah yang dapat begitu menarik dan begitu layak dikasihi bagi-Nya, sehingga Dia akan berangkat untuk memilikinya?

Alkitab menggambarkan Allah sebagai Pengantin lelaki. Hal ini luar biasa, kerana hal itu mengandaikan bahawa Dia menginginkan seorang pengantin perempuan. Allah sebagai Pengantin lelaki menggambarkan bahawa Dia tidak mahu bersendirian, tetapi mencari persekutuan.

Dia sendiri menciptakan lelaki dan perempuan menurut gambar-Nya. Kedua-duanya sepatutnya menjadi satu daging dan membentuk satu kesatuan yang tidak dapat dipisahkan dan satu persekutuan kasih. Dan begitulah kita manusia mengalaminya, tidak semua, tetapi ramai. Dan dengan itu kita boleh berani membuat satu dua kesimpulan tentang hubungan Allah dengan isteri-Nya. Dalam Perjanjian Lama, Allah Yahweh telah mengikat hubungan perkahwinan dengan Israel. Pengantin perempuan itu bukan satu orang, tetapi keseluruhan banyak orang.

Dalam Perjanjian Baru, pengantin perempuan itu bukan satu bangsa sahaja. Pengantin perempuan itu kini satu perhimpunan daripada semua suku bangsa dan bangsa. Kekasih itu bukan *satu* orang, seperti Pengantin lelaki. Pengantin perempuan ialah metafora bagi semua pengikut Yesus. Begitu juga bagi semua orang percaya yang hidup sebelum Yesus datang. Jadi seluruh himpunan semua manusia yang mengasihi Yesus, Raja dan Pengantin lelaki itu. Perbandingan manakah yang dapat menggambarkan kasih dengan lebih baik daripada perbandingan pengantin perempuan dan pengantin lelaki ini?

Untuk memiliki pengantin perempuan ini, untuk memenangi hatinya, Dia telah membuktikan kasih-Nya. Dia telah menyerahkan diri-Nya untuknya, ke dalam kematian di kayu salib di Golgota. Dia tidak membiarkan timbul sebarang keraguan sama ada Dia bersungguh-sungguh. Dia sangat mahu memilikinya, dengan harga nyawa-Nya.

Apakah yang begitu menarik pada kita bagi Raja itu? Raja-raja pada zaman purba berkahwin dengan orang yang setaraf. Begitulah sehingga hari ini. Tetapi pengecualianlah yang menggemparkan. Apabila seorang raja mengambil seorang wanita biasa, atau malah seorang hamba perempuan, menjadi isterinya. Kita tidak layak dikasihi. Kita tidak berminat akan Allah dan Anak-Nya. Kita berkelakuan seperti musuh Allah. Kisah kita tidak dapat difahami. Dia melihat sesuatu dalam diri kita yang berbaloi untuk Dia mati. Mati dengan risiko bahawa kita mungkin tidak membalas kasih-Nya dan menolaknya.

Ramai orang pada hari ini sudah termasuk dalam pengantin perempuan ini. Tetapi ramai lagi yang masih ditunggu-Nya.

Dia benar-benar Pengantin lelaki dan Suami yang menjadi teladan. Dia memelihara pengantin perempuan-Nya. Dia bertindak seperti seorang hamba dan membasuhnya, supaya dia bersih dan sempurna. Bahasa kiasan ini menjelaskan bahawa hubungan kasih ini benar dan akan tetap benar. Begitu erat hubungan ini, sehingga seperti Adam dan Hawa pada mulanya, Kristus dan jemaat juga satu daging. Dialah Kepala yang mengasihi dan memelihara, dan jemaat ialah tubuh, tubuh-Nya (badan-Nya). Bersama-sama mereka membentuk satu manusia. Tubuh inilah yang kurang pada Kristus dan kini menjadikan-Nya sempurna untuk selama-lamanya. Semua ini bahasa kiasan, tetapi menyimpulkan dengan tepat betapa besar, betapa dalam, tulen dan teguh kasih Kristus. Mengasihi Pengantin lelaki seperti ini, mengetahui bahawa kita aman di sisi-Nya, tidak mungkin sukar.

Suatu hari nanti, apabila pesta bermula, pengantin perempuan itu akan memakai gaun pengantinnya. Menariknya, gaun itu akan terdiri daripada perbuatan-perbuatan baik yang telah dilakukan oleh orang Kristian dalam hidup mereka. Jadi gaun ini sedang dibuat, dan semua orang turut mengerjakannya.

Daripada lagu perkahwinan Raja dalam Mazmur 45:

*Hatiku tergerak oleh kata-kata yang indah! Ya, kepada raja aku persembahkan karyaku.*

*Dan raja akan menginginkan kecantikanmu, kerana dialah tuanmu: Maka tunduklah menghormatinya!*

Mazmur 45:1, 11

Mazmur 45; Yesaya 61:10; 62:5; Matius 22:2-12; Markus 2:19-20; Yohanes 3:29; 2 Korintus 11:2; Efesus 3:18-19; 5:25-30; Wahyu 19:7-9; 21:2, 9, 17.

## 39 Pesta perkahwinan Raja


Saya suka majlis perkahwinan. Terutamanya pada musim bunga dan musim panas, apabila cuaca panas. Apabila suasana meriah dan sukacita memenuhi udara petang. Terutamanya apabila saya hanya seorang tetamu, yang cuma perlu berpesta, makan, minum, berbual dan ketawa. Pasangan pengantin telah lama merindukan hari ini. Apabila hari itu tiba, hari itu cepat berlalu kerana segala keindahannya. Orang ingin sekali menahannya, terus berpesta dan bukan hanya menikmati kenangannya.

Raja yang sudah banyak kita dengar itu, Dia juga sedang menantikan sebuah pesta perkahwinan. Dan sebesar dan semulia Raja itu, sebesar dan semulia itulah perkahwinan itu nanti. Benar-benar satu pesta kosmik. Syurga menahan nafas apabila Raja menyambut pengantin perempuan-Nya. Lupakan semua majlis perkahwinan (diraja) yang pernah anda alami atau tonton di televisyen hingga sekarang. Juga perkahwinan Aragorn dan Arwen di istana di atas gunung di Minas Tirith. Perkahwinan itu dilakonkan dalam satu adegan filem yang tidak dapat saya lupakan. Adegan itu sedikit sebanyak memberikan ilham apabila saya memikirkan masa depan.

Ya, di sini dapat dijangkakan perasaan yang paling dalam. Di sini api kasih menyala. Di sini kedua-duanya melupakan dunia di sekeliling mereka. Kerana sekarang akhirnya pesta itu telah tiba. Penantian sudah berakhir.

Syarat bagi perkahwinan ini ialah bahawa Yang Maha Kuasa telah mula memerintah seluruh dunia. Segala permusuhan sudah berakhir. Tiada apa-apa yang akan pernah dapat mengganggu atau mengancam perkahwinan ini. Waktu dan tempat jamuan perkahwinan dapat dipilih dengan bebas. Tiada lokasi yang terlalu mahal. Tidak, tiada apa-apa yang cukup baik.

Marilah kita bayangkan, satu pesta yang gembira, satu parti dengan berbilion-bilion orang yang berpesta dengan riang. Tanpa menjadi letih. Jangan tanya saya bagaimana hal itu mungkin. Hal itu tidak saya risaukan. Dia yang menjemput ialah Yang Maha Kuasa, Pencipta segala sesuatu. Dalam pesta ini kita akan melihat bahawa Dialah pencipta sukacita, perayaan dan sorak-sorai.




Bumi yang dijadikan baru akan menjadi lokasinya. Dalam segala keindahannya, seperti yang sudah kita kenal sekarang. Tetapi kini diperbaharui dan dipulihkan sepenuhnya. Dijadikan baru. Kemudian dijadikan lebih indah lagi, kerana kita begitu berharga bagi-Nya. Dia menyediakan tempat untuk pesta ini. Dia membersihkan segala-galanya dan menghiasi segala-galanya, dengan cara-Nya sendiri, yang memperlihatkan kasih-Nya.

Alkitab menggambarkan pesta masa depan ini lebih daripada sekali. Saya perasan bahawa saya tidak dapat menemui kesudahan perayaan ini. Yang pasti ialah bahawa pesta ini tidak berakhir selepas satu hari atau, seperti di Timur Tengah, selepas seminggu. Masa tidak penting lagi pada waktu itu.

Dalam perbandingan yang lain, Yesus berbicara tentang pesta perkahwinan ini. Ramai yang dijemput. Tetapi orang memerlukan pakaian perkahwinan. Tanpa pakaian itu, orang cepat kelihatan dan diusir keluar. Bagaimanakah orang mendapat pakaian perkahwinan? Dalam erti kiasan, sebuah ayat Alkitab berkata: "Mereka – para tetamu pesta itu – telah mencuci jubah mereka dan memutihkannya dalam darah Anak Domba."

Pakaian kita, yang secara kiasan bermaksud seluruh hidup kita, di sana sini agak kotor, tidak sesuai untuk terang dan kemuliaan pesta perkahwinan Raja. Tetapi Dia mati untuk kita, supaya kita terlepas daripada dosa-dosa kita. Untuk

menyucikan kita, sama seperti Dia sendiri suci. Pengantin perempuan dan Pengantin lelaki bersinar dalam warna putih yang berkilauan. Tiada apa-apa dalam pesta ini yang mengingatkan masa lalu kita yang gelap dan meragukan. Hanya bekas luka Pengantin lelaki, di tangan dan kaki serta di lambung-Nya. Bukti-bukti kasih-Nya ini tetap menjadi kenangan yang kekal.

Memang benar bahawa Raja itu pada hari ini dan sekarang masih menjemput ke pesta perkahwinan yang akan datang. Dia telah mengutus orang-orang-Nya untuk menjemput. Iaitu semua orang, tanpa sebarang keutamaan atau kelebihan. Semua orang, yang miskin dan yang kaya, yang kuat dan yang lemah, yang kesepian dan yang suka bergaul, yang sakit, orang berdosa, yang putus asa, yang dilupakan, mereka yang menoleh ke belakang melihat hidup mereka dan tidak menemui apa-apa atau hanya sedikit kebaikan di dalamnya.

*Seperti seorang pemuda bersatu dengan gadisnya, begitulah Penciptamu akan bersatu denganmu untuk selama-lamanya. Seperti seorang pengantin lelaki bergembira atas pengantin perempuannya, begitulah Allahmu akan bergembira atasmu.*

Yesaya 62:5

Yesaya 61:10; 62:5; Matius 22:2-12; 2 Korintus 11:2; Efesus 5:25-30; Wahyu 19:7-9; 21:2, 9, 17.

*(Lagu dalam versi asal bahasa Jerman)*

*You're my friend*
*And You are my brother*
*Even though You are a King*
*I love You more than any other*
*So much more than anything*
*Du bist mein Freund*
*Und Du bist mein Bruder*
*Obwohl Du ein König bist*
*Ich liebe Dich mehr als jeden anderen*
*So viel mehr als alles andere*
*Du, o Herr, bist mein Freund und Bruder, du mein König und mein Gott!*
*Dich begehre ich mehr als alles, so viel mehr als höchstes Gut.*

## 40 Mereka akan memerintah di bumi

Buku ini membicarakan Raja segala raja. Bukan terutamanya kita manusia. Tetapi kedua-duanya hampir tidak dapat dipisahkan. Ingatkah anda permulaan buku ini? Ya, Allah menciptakan manusia menurut gambar-Nya, supaya mereka memerintah bumi. Tetapi semua itu gagal sama sekali. Sehingga hari ini. Raja yang sejati datang untuk mengangkat kita daripada runtuhan, serpihan dan debu. Dan melantik kita sekali lagi sebagai raja. Itu sukar dipercayai, tetapi benar. Allah mencapai matlamat-Nya bersama kita. Bersama semua orang yang datang kepada-Nya. Yang menyedari bahawa mereka memerlukan pengampunan, penyelamatan dan penyembuhan.

Allah mahu menyatukan kita sebagai raja-raja-Nya dengan Raja segala raja, Anak-Nya. Untuk itu Dia sanggup membayar harga yang mahal:

> *... dan daripada Yesus Kristus, saksi yang boleh dipercayai tentang kebenaran, yang pertama bangkit daripada kematian dan kini memerintah atas semua raja di bumi.*
> *Bagi Dia, yang mengasihi kita dan telah membebaskan kita daripada dosa-dosa kita dengan darah-Nya, bagi Dia, yang telah menjadikan kita rakan pemerintah, raja-raja dalam Kerajaan-Nya dan imam-imam bagi Allah dan Bapa-Nya,*
> *Bagi Dialah kemuliaan dan kuasa untuk selama-lamanya.*

Demikianlah orang yang mengaku Yesus akan masuk ke dalam kekekalan, dipimpin oleh Raja mereka. Mereka akan tercengang. Keadaannya lebih baik, lebih kaya dan lebih bahagia daripada yang pernah mereka impikan. Mengikut Yesus memang berbaloi. Kesetiaan dan ketaatan mereka akan diberi ganjaran. Namun begitu: Kebahagiaan kekal mereka tetap tidak layak mereka terima. Kebahagiaan ini terbuka bagi semua orang.

Tetapi sebelum kita sampai ke akhir, satu perkara lagi: Orang-orang Yesus *sudah sekarang* ialah raja dan imam! Tetapi bagaimanakah mereka memerintah? Adakah mereka mempunyai pengaruh atas peristiwa-peristiwa dunia? Atau patutkah mereka mencubanya?

Bagi kehidupan peribadi mereka berlaku kata-kata yang aneh, bahawa mereka memerintah sebagai raja dalam kehidupan mereka sendiri yang peribadi. Dosa ialah musuh. Dosa sebagai kuasa pemusnah, yang mencengkam setiap

kehidupan untuk memilikinya, memisahkannya daripada Allah dan membebaninya. Tetapi kuasa ini telah dipatahkan melalui kematian dan kebangkitan Raja yang memiliki kita. Dosa tidak semestinya menguasai kita, kita dapat dan patut menguasainya, mengambil ruang dan peluang daripadanya, tidak membiarkannya berkembang. Roh Allah ialah kuasa yang hidup di dalam kita.

Jika hal itu berhasil, maka hal itu membawa pengaruh, satu kesan ke dalam lingkungan kita. Sebagai raja, kita tidak merebut kuasa politik. Tetapi di mana ketidakadilan berlaku, di situ kita menyatakan apa sebenarnya hal itu. Dan menghentikannya, di mana ada kemungkinan. Kita berdiri di pihak orang yang dilupakan dan ditindas, orang yang kelaparan dan putus asa, sama seperti yang dilakukan oleh Mesias dalam hidup-Nya.

Pengaruh atas dunia dan peristiwa-peristiwa dunia kita miliki sebagai imam-imam diraja dalam satu bentuk yang dapat disebut sebagai komplot. Satu persekongkolan rahsia! Satu komplot tanpa kekerasan. Bukan untuk menggulingkan, tetapi untuk kejayaan dan untuk menolak ketidakadilan, kelaparan dan kemarau di dunia. Untuk hal-hal itu dan melawan hal-hal itu orang Kristian dapat memohon *kepada Raja mereka*. Doa, doa syafaat, ialah sejenis pemerintahan yang tidak kelihatan, tetapi menjadi kelihatan di tempat Raja menjawab doa itu. Sesiapa yang berlatih dalam hal ini sedang mengikuti program latihan untuk masa depan, apabila Yesus dan kita bersama-sama dengan-Nya akan memerintah.

*Para pengikut Yesus juga ialah imam-imam yang diurapi. Dipanggil untuk memberkati. Sebagai imam-imam diraja. Mereka membawa berkat Allah ke dalam dunia.* Bagi semua manusia. Mereka memberkati dalam nama Raja dan meletakkan nama-Nya ke atas manusia dalam doa. Mereka bukan sahaja berkata baik kepada orang lain dan tentang orang lain, tetapi membawa kasih kurnia Allah ke atas mereka. Juga ke atas haiwan, ke atas rumah, ke atas keluarga, ke atas kerajaan. Pendek kata ke atas segala sesuatu yang memerlukan kasih kurnia dan berkat. Kehadiran Allah dapat menjadi nyata, dapat dialami dan kelihatan melalui berkat. Dalam kasih, kekudusan, penyembuhan, kejayaan, penyelamatan dan pembebasan.

Namun begitu, doa, doa syafaat dan memberkati bukanlah alasan untuk tidak bangkit secara aktif dan dengan bersungguh-sungguh di tempat kejadian melawan ketidakadilan dan diskriminasi, di mana hal itu mungkin dan perlu.

*Dan janganlah dalam keadaan apa pun kamu turut serta dalam sebarang perbuatan yang berasal daripada kegelapan dan kerana itu tidak menghasilkan buah yang baik. Sebaliknya bongkarkanlah perbuatan seperti itu!*

Efesus 5:11

Roma 5:17; 1 Timotius 2:1-7; 2 Timotius 2:12; 1 Petrus 2:5-9; Wahyu 1:5-7; 5:9-10; 22:5.

## Akhirnya sekali lagi tentang Yesus, Sang Raja: Dialah wakil pemerintah Allah bagi manusia.

Yesus lahir sebagai Raja orang Yahudi; Matius 2:2.

Yesus memberitakan Kerajaan Allah; Matius 4:17, 23; 12:28.

Yesus menunjukkan tuntutan-Nya untuk memerintah atas dunia yang kelihatan dan yang tidak kelihatan, walaupun Dia belum melaksanakannya sepenuhnya; Matius 12:28; Lukas 19:38; Yohanes 1:49; tetapi juga: 6:15.

Yesus memerintah atas jemaat-Nya dan memberikan kuasa kepadanya untuk melayani; Matius 28:18; Efesus 1:19-22.

Yesus memulihkan semula kerajaan Daud; Kisah Rasul-rasul 15:15-17; Amos 9:11-12.

Yesus datang kembali sebagai Raja sejagat yang menang; 1 Korintus 15:25.

Dia memiliki segala kuasa (Matius 28:18); Dia memerintah sebuah kerajaan rohani yang tidak kelihatan (Yohanes 18:36-37) dan kemudian akan memerintah seluruh bumi secara kelihatan: Mazmur 66:4; 72:16-19; Yesaya 2:2; Daniel 7:13-14, 18, 22, 27; Ibrani 10:13; Wahyu 15:4.

Oh, if there's only one song I can sing, When in His beauty I see the great King, This shall my song in eternity be, "Oh, what a wonder that Jesus loves me!"

*Oh, sekiranya ada hanya satu lagu yang dapat kunyanyikan, Apabila aku melihat Raja yang agung dalam keindahan-Nya, Maka itulah laguku untuk selama-lamanya, "Oh, alangkah ajaibnya, Yesus mengasihi aku!"*

## Buku-buku lain oleh penulis

Und die Toten leben doch (Namun Orang Mati Tetap Hidup), Bielefeld, 1992

Seitenwechsel – Von Adam zu Christus (Bertukar Pihak – Daripada Adam kepada Kristus), Bielefeld, 2011

Entrückung, Himmel, Ewigkeit – Ein neuer Blick auf alte Themen (Pengangkatan, Syurga, Kekekalan – Pandangan Baru terhadap Tema-tema Lama), Nürnberg, 2015

Gottes Lamm, Golgota und die Ewigkeit (Anak Domba Allah, Golgota dan Kekekalan), Wuppertal, 2015

Fantastische Himmelwelt, Lehre und Leben der Himmelwelt im Epheserbrief (Alam Syurgawi yang Menakjubkan: Ajaran dan Kehidupan Alam Syurgawi dalam Surat Efesus), Nürnberg, 2016

Gott spricht, Eine erklärende Übertragung der allgemeinen Briefe und der Offenbarung (Tuhan Berfirman: Terjemahan Berpenjelasan bagi Surat-surat Am dan Kitab Wahyu), Sulzberg, 2017

Epheser, nacherzählt, erklärt für heute (Surat Paulus kepada Jemaat di Efesus: Diceritakan semula, dijelaskan, untuk hari ini), Sulzberg, 2018

God's good Gospel, Gottes gutes Evangelium (Injil Tuhan yang Baik), Sulzberg, 2019

Markus, nacherzählt, erklärt für heute (Injil menurut Markus: Diceritakan semula, dijelaskan, untuk hari ini), Sulzberg, 2019

Galater, nacherzählt, erklärt für heute (Surat Paulus kepada Jemaat di Galatia: Diceritakan semula, dijelaskan, untuk hari ini), Sulzberg, 2020

Die Briefe des Johannes, nacherzählt, erklärt für heute (Surat-surat Yohanes: Diceritakan semula, dijelaskan, untuk hari ini), Sulzberg, 2020

Frauen, vergebt uns! – Die Rolle von Frau und Mann (Wanita, Ampunilah Kami! – Peranan Wanita dan Lelaki), Sulzberg, 2020

Frauen, vergebt uns! – Mann und Frau in Ehe und Gemeinde, Kurzversion (Wanita, Ampunilah Kami! – Lelaki dan Wanita dalam Perkahwinan dan Gereja, versi ringkas), Augsburg, 2022

Teks-teks lain di: www.hans-joerg-ronsdorf.de

Buku-buku ini (dalam bahasa Jerman) boleh didapati daripada penulis atau di kedai buku, banyak juga sebagai e-buku di Amazon.

hj-ronsdorf@t-online.de atau 08376 929643